

LAPORAN TAHUNAN

PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI) 2024



ENTREPRENEURSHIP
is our thrust

LAPORAN TAHUNAN 2024

PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)

LAPORAN TAHUNAN

PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR
(HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI) 2024

ENTREPRENEURSHIP
is our thrust

WE CARE



WE

SERVE



WE LEAD


LAPORAN TAHUNAN PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI) 2024


Disediakan oleh:


PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok,
Kelantan Darul Naim.

Tel: 09-779 7720
No Fax: 09-779 7722
Emel: hepa@umk.edu.my

 <https://hepa.umk.edu.my>

 My HEPA UMK

 hepaumk

 Myhepaumk



PENCAPAIAN 2024

Menerima geran **RM1.97 juta**
Penganjuran Program UCSE

Laman Woodball UMK
bertaraf **Antarabangsa**
Gelanggang Woodball Pertama di
Negeri Kelantan.

Juara Festival Tari Malaysia
Zon Timur 2024
• Le'Waris

Pasukan Debat UMK meraih
Juara Pertandingan Akhir Debat
Diraja Antara IPT 2024

Pasukan Debat UMK meraih
Juara Grand TVET Championship
Debate 2024

SENARAI KANDUNGAN

Inspirasi Timbalan Naib Caselor (HEPA)	02
Latar Belakang	04
Visi, Misi & Dasar Kualiti	05
Piagam Pelanggan	06
Pengurusan HEPA	07
Carta Organisasi	10
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni)	12
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan	32
Pusat Pembangunan Kerjaya, Kaunseling dan Alumni	46
Pusat Pembangunan Mahasiswa Holistik dan Kepimpinan Pelajar	98
Pusat Kebudayaan	122
Pusat Kokurikulum	152
Pusat Kesihatan Universiti	186
Pusat Sukan	218
Bahagian Penginapan Pelajar	240
Bahagian Kebajikan dan Tatatertib Pelajar	262
Majlis Pengetua	294

SIDANG EDITOR

PENASIHAT

Ybhg. Prof. Dr. Mohammad bin ismail

KETUA EDITOR

YM Raja Azlan bin Raja Ismail

EDITOR BERSEKUTU

Dr. Ikram Rauhi bin Che Ibrahim

Dr. Razman Hafifi bin Redzuan

Dr. Syarizal bin Abdul Rahim

En. Shaipuddin bin Muhammad

Dr. Noormariana binti Mohd Din

Pn. Norhazlina binti Ismail

En. Mohd Adli bin Ismail

Dr. Norazlinda binti Mohamed Rosdi

En. Wan Ahmad Khairul bin Wan Ahmad Najib

PENULIS

Dr. Mohd Hafizoh binti Saidan

En. Mohd Norhafizan bin Muhammad

Cik Nur Aida binti Elias

Pn. Nurul Ashikin binti Mohd Lukman

Pn. Roshaimas binti Kamarulzaman

En. Mohd Ramdan bin Mohd Shafian

Pn. Nur Yuhanis binti Mat Yusoff

En. Ahamd Fadzil bin Abd. Rashid

En. Mohd Hafizie bin Abd Rahman

En. Mohd Tarmizi bin Mohd Yusoff

En. Wan Arizuddin bin Wan Mohd Nor

En. Muhammad Luqman Hakim bin Rosli

Pn. Mazlina binti Zaid

Pn. Engku Fadilah binti Engku Ismail

Pn. Nurhidayah binti Abdul Latip

REKA BENTUK

Cik Nur Izzah binti Johar Azmi

TIMBALAN NAIB CANSOLOR HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

YBrs. Prof Dr. Mohammad Bin Ismail

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada seluruh warga UMK, khususnya pusat & bahagian di Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) serta semua pihak yang telah menyumbang tenaga dan sokongan dalam menjayakan pelaksanaan program sepanjang tahun ini.

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani dan Salam UMK4U, 1 Hati 1 Jiwa.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, Buku Laporan Tahunan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bagi tahun 2024 ini berjaya diterbitkan. Penerbitan ini adalah refleksi komitmen padu dan usaha berterusan dalam memperkasa pembangunan sahsiah, kepimpinan, kebajikan, serta keterlibatan alumni dalam membina legasi kecemerlangan universiti.

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) memainkan peranan penting dalam mencorak pengalaman holistik pelajar sepanjang pengajian di UMK. Melalui pelbagai program, inisiatif, dan kolaborasi strategik, kami berusaha untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malah memiliki nilai keusahawanan, jati diri yang kukuh, dan semangat kesukarelawan yang tinggi.

Laporan ini menghimpunkan pencapaian, cabaran, serta perkembangan penting yang telah dicapai sepanjang tahun, merangkumi aspek kebajikan pelajar, pembangunan kepimpinan, penglibatan alumni, serta aktiviti berimpak tinggi yang menyumbang kepada pengukuhan reputasi UMK sebagai universiti keusahawanan unggul.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada seluruh warga UMK, khususnya pusat & bahagian di Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) serta semua pihak yang telah menyumbang tenaga dan sokongan dalam menjayakan pelaksanaan program sepanjang tahun ini.

Semoga laporan ini menjadi inspirasi dan rujukan dalam memperkukuh ekosistem pelajar yang inklusif, progresif dan berdaya saing sejajar dengan visi UMK sebagai universiti keusahawanan bertaraf dunia.

Sekian, terima kasih.

PROF. DR. MOHAMMAD BIN ISMAIL

Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Latar Belakang

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) merupakan sebuah entiti penting dalam pentadbiran Universiti yang bertanggungjawab menguruskan segala hal ehwal berkaitan pelajar. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) telah memulakan operasi buat pertama kalinya pada Jun 2007 di Kampus Taman Bendahara (kini dikenali sebagai Kampus Kota).

Hasrat dan keutamaan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) untuk membantu dan saling melengkapi program akademik bagi membina mahasiswa yang cemerlang dan bersahsiah. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) menyediakan perkhidmatan menyokong aktiviti pembangunan pelajar, kebajikan, sokongan akademik dan keusahawanan pelajar bagi melahirkan graduan usahawanan yang unggul selaras dengan aspirasi Universiti.

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) terlibat secara langsung dalam menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan pinjaman/biasiswa, kebajikan, kesihatan, pertubuhan kelab dan persatuan pelajar, tatatertib pelajar, kewangan, sukan dan rekreasi, kebudayaan, penginapan pelajar serta pembangunan pelajar.

Dalam usaha melaksanakan tanggungjawab ini, beberapa Pusat/Bahagian/Seksyen telah ditubuhkan di bawah tanggungjawab Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) yang beroperasi bagi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar-pelajar.

Visi


Meneraju Keunggulan Graduan Holistik Menerusi Perkhidmatan Dan Pembangunan Modal Insan.

Misi

Memperkasa Ekosistem Kondusif Demi Kesejahteraan Pelajar Dan Jaringan Alumni.

Dasar Kualiti

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) bertekad untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang memenuhi kepuasan pelanggan dalam proses pembangunan pelajar bagi merealisasikan visi dan misi universiti di samping penambahbaikan berterusan serta memenuhi keperluan semasa.



PIAGAM PELANGGAN

Memberi layanan dan perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar setiap masa.

01

Menguruskan pelbagai kemudahan dan memberikan perkhidmatan yang sentiasa efisien kepada semua pelajar.

02

Memastikan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) sentiasa prihatin terhadap program pembangunan pelajar, kesejahteraan, kebajikan dan disiplin pelajar.

03

04

Mengadakan program pembangunan sahsiah dan kepimpinan pelajar yang berkesan dari semasa ke semasa seiring dengan aspirasi Universiti dan negara.

05

Memastikan pelaksanaan aktiviti alumni yang berkualiti ke arah kecemerlangan alumni.

PENGURUSAN TINGGI HEPA



PROF. DR. MOHAMMAD BIN ISMAIL
Timb. Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



YM RAJA AZLAN BIN RAJA ISMAIL
Ketua Pentadbir HEPA



DR. NORAZLINDA BINTI MOHAMED ROSDI
Pengerusi Majlis Pengetua



DR. NOORMARIANA BINTI MOHD DIN
Pengarah Pusat Pembangunan
Mahasiswa Holistik dan
Kepimpinan Pelajar



DR. RAZMAN HAFIFI BIN REDZUAN
Pengarah Pusat Pembangunan
Kerjaya, Kaunseling dan Alumni



**EN. WAN AHMAD KHAIRUL BIN WAN
AHMAD NAJIB**
Menjalankan Fungsi Pengarah
(Pusat Sukan)



PN. NORHAZLINA BINTI ISMAIL
Ketua Bahagian Penginapan
Pelajar



EN. MOHD ADLI BIN ISMAIL
Ketua Bahagian Kebajikan dan
Tatatertib Pelajar



DR. SYARIZAL BIN ABDUL RAHIM
Pengarah Pusat Kokurikulum




DR. IKRAM RAUHI BIN CHE IBRAHIM
Pengarah Pusat Kesihatan



EN. SHAIPUDDIN BIN MUHAMMAD
Pengarah Pusat Kebudayaan

CARTA ORGANISASI



PTNC(HEPA)



**PEJABAT TIMBALAN NAIB
CANSELOR (HAL EHWAL
PELAJAR DAN ALUMNI)**

PROGRAM SIGNATURE

11 JANUARI 2024 UMK KAMPUS KOTA



PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (PMPP) SESI 2023/2024

PMPP telah diadakan di kesemua kampus bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Ini adalah untuk membolehkan mahasiswa memilih pemimpin baharu mereka untuk Sesi 2023/2024. Proses pemilihan ini melalui sistem CAPSULE dan telah mencatat peratusan yang baik. Peningkatan ini menunjukkan kesedaran mahasiswa pentingnya untuk mengundi namun ia masih belum mencapai peratusan terbaik.

8 FEBRUARI 2024 LAMAN WOODBALL, UMK BACHOK



MAJLIS PENGIKTIRAFAN LAMAN WOODBALL UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

Majlis Pengiktirafan Laman Woodball UMK telah diadakan di Bangunan Canselori UMK Bachok. Laman Woodball ini merupakan gelanggang pertama yang dibina di negeri Kelantan. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Naib Canselor dan laman ini telah menerima pengiktirafan dalam Persatuan Woodball Malaysia.



15 FEBRUARI 2024 POS BLAU, GUA MUSANG



MAJLIS PENYERAHAN POS BLAU SEBAGAI KAMPUNG ANGKAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

UMK telah menjadikan Pos Blau sebagai Kampung Angkat UMK secara rasmi dan ia selari dengan semangat Semarak Siswa Madani di mana universiti melalui mahasiswa sentiasa bersama komuniti. Majlis penyerahan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dato' Naib Canselor sebentar tadi. Turut hadir adalah Adun Dun Galas, YB Haji Mohd Syahbuddin bin Hashim. Sempena majlis ini, pihak HEPA telah mengadakan program bermula 14 Februari 2024. Antara program yang diadakan adalah program kerohanian, Blau Comey Lotey, Suara Emas Pos Blau, Gomo Rakyat Blau dan Blau-Preneur.



27-29 FEBRUARI 2024 PURNAMA BEACH RESORT, PULAU PANGKOR



PROGRAM PEMERKASAAN PEMBANGUNAN KENDIRI HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI (HEPA) SERTA KHIDMAT KOMUNITI TAHUN 2024 PANGKOR

Program Pembangunan Kendiri dan Khidmat Sosial HEPA bersama Keluarga HEPA dan Majlis Perwakilan Pelajar di Pulau Pangkor. Program Pembangunan Kendiri ini merupakan kali pertama diadakan selepas beberapa tahun atas faktor Covid. Maka ia sangat penting bagi Keluarga HEPA dalam usaha memastikan semangat kekitaan di kalangan staf. Turut diadakan adalah program komuniti di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Pangkor dan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan. Di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Pangkor, sumbangan buku telah diadakan dan di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan, MPP telah mengadakan program Mengapai Impian bersama MPP. Perkongsian menempuh alam universiti dan sesi motivasi diadakan di sana.



Sumbangan buku di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Pangkor



Program Mengapai Impian bersama MPP di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan

26 MAC 2024

MASJID UMK BACHOK



Penyampaian Bakul Ramadan kepada mahasiswa dan petugas pembersihan UMK

MAJLIS IFTAR KELUARGA HEPA BERSAMA MAHASISWA

Majlis Iftar Keluarga HEPA telah diadakan bersama mahasiswa di Masjid UMK Bachok. Hampir 400 orang staf dan mahasiswa hadir sebentar tadi. Turut diadakan adalah program HIT (HEPA in house training) dengan tajuk "Istimewa Nuzul Al-Quran".



MAJLIS PERASMIAN PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI , KAMPUS JELI YANG BAHARU

Pusat Kesihatan Universiti (PKU) Kampus Jeli yang baharu telah mula beroperasi pada 21 April 2024. Ia telah dirasmikan oleh YBhg. Dato’ Naib Canselor. PKU baharu ini menyediakan ruang rawatan yang lebih selesa serta mampu menerima pesakit dengan lebih ramai.



MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI ALUMNI UMK

Majlis Rumah Terbuka Aildilfitri Alumni UMK telah diadakan hari ini bertempat di Kantan Villa, Kajang Selangor. Majlis ini adalah anjuran secara kerjasama antara Pusat Pembangunan Kerjaya, Kaunseling dan Alumni dan Pertubuhan Alumni UMK. Turut menghadiri majlis hari ini adalah YBhg. Dato’ Pengerusi Lembaga Pengarah dan YBhg. Prof. Dato’ Naib Canselor. Majlis ini adalah julung kali diadakan untuk alumni UMK.



MAJLIS PERASMIAN SEMINAR PENGURUSAN ASRAMA PERINGKAT KEBANGSAAN (SPARK) 2024

Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2024 telah diadakan pada 20 hingga 22 Mei 2024 bertempat di Hotel H Elite Design Hotel Kota Bharu. Program ini adalah kerjasama UMK dan MAPUM dengan tema 'Kesejagatan Universiti Membentuk Mahasiswa Madani'. YBrs. En Hirman bin Awang, Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah merasmikan majlis ini.

SPARK 2024 adalah platform untuk para pembentang dan peserta saling berkongsi pengetahuan dan pengalaman masing-masing berkaitan dengan pengurusan asrama di peringkat IPT terutamanya di Malaysia. Seramai 229 orang peserta yang terdiri dari kesemua Universiti Awam, 5 Institut Pengajian Tinggi Swasta dan 1 penyedia perkhidmatan. Sebanyak 72 abstrak dan 27 oral akan dibentangkan dan 45 poster akan dipertandingkan.



OUTREACH KPT @ KELANTAN

Program Outreach KPT @ Kelantan yang telah dianjurkan oleh Bahagian Hubungan Industri (BHI) Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) di Gua Musang Kelantan. UMK yang juga Universiti Penyelaras telah bertindak mengkoordinasikan program ini bersama wakil penduduk setempat. Program kerjasama antara UMK dengan kolej-kolej komuniti ini bertujuan untuk pemindahan ilmu dan kepakaran Institut Pengajian Tinggi (IPT) kepada penduduk setempat. Program yang bertempat di Kampung Serian dan Limau Kasturi 2 telah dihadiri oleh YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi. Pelbagai program telah dilaksanakan iaitu pemeriksaan kesihatan, kursus masakan dan bakeri, pembaikan elektrik, servis tukar minyak hitam motosikal, gotong-royong, kenduri rakyat, dan pertandingan futsal. YB Menteri juga sempat mengadakan sesi ramah mesra bersama mahasiswa UMK semasa program ini.



MINGGU MESRA MAHASISWA (3M) 2024

Seramai 3,121 pelajar baharu mendaftar bagi sesi akademik 2023/2024 di ketiga-tiga kampus Universiti Malaysia Kelantan (UMK), hari ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 948 orang pelajar lelaki manakala seramai 2,173 orang pelajar wanita telah mendaftar masuk untuk melanjutkan pengajian di universiti itu. Pelajar baharu akan menjalani Minggu Mesra Mahasiswa (3M) bermula 1 Oktober hingga 4 Oktober 2024.



UMK juga telah menyampaikan sedikit sumbangan kepada pelajar yang kurang berkemampuan sebagai inisiatif pihak universiti untuk pelajar yang tidak berkemampuan.



CAK RAKYAT BERSAMA KOMUNITI POS BLAU, GUA MUSANG

Cak Rakyat Bersama Komuniti Pos Blau, Gua Musang – Kampung Angkat Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merupakan program ini merupakan kesinambungan yang telah diadakan di Pos Blau pada bulan April lalu dimana Pos Blau merupakan Kampung/Komuniti Angkat UMK. Program kali ini telah memfokuskan kepada beberapa pengisian seperti aktiviti kecantikan, pertanian, kerohanian, sukaneka dan lain-lain. Hampir kesemua program ini telah dilaksanakan oleh mahasiswa yang hadir seramai hampir 70 orang. Hadir bersama sebentar tadi adalah YBhg. Dato’ Prof. Naib Canselor dan YB Haji Mohd Syahbuddin bin Hashim, ADUN Galas, Gua Musang.




Majlis peluncuran Misi Skuad Ihsan Madani Kementerian Pendidikan Tinggi 2024 telah disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga, Universiti Malaysia Kelantan Dato’ Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan

MISI SKUAD IHSAN MADANI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI 2024

UMK dan Universiti Sains Malaysia (USM) telah menjadi universiti penyelaras bagi misi ini. Seramai hampir 1000 orang mahasiswa telah menjadi sukarelawan terdiri daripada 12 buah universiti awam dengan kerjasama Majlis Kesukarelawanan Universiti Malaysia (MASKUM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

MISI SKUAD IHSAN MADANI






BPK

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

- Seksyen Kewangan dan Perolehan
- Seksyen Pentadbiran, Pengurusan Aset dan Kualiti Perkhidmatan

LAPORAN BAJET MENGURUS HEPA 2024



JAWATANKUASA PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JPKKP) TAHUN 2024

Penganjuran Mesyuarat

Bil.	PERKARA	TARIKH
1	MESYUARAT JPKKP PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (HEPA) BIL.1/2024	22 FEBRUARI 2024
2	MESYUARAT JPKKP PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (HEPA) BIL.2/2024	16 MEI 2024
3	MESYUARAT JPKKP PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (HEPA) BIL.3/2024	10 SEPTEMBER 2024
4	MESYUARAT JPKKP PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (HEPA) BIL.4/2024	26 NOVEMBER 2024

Penganjuran Program/Aktiviti

Bil.	PERKARA	TARIKH
1	HEPA WEIGHT LOSS CHALLENGE 2024	14 JANUARI 2024 - 4 DISEMBER 2024
2	HEPA IN HOUSE TRAINING (HIT) BIL. 03/2024 : KURSUS HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND OPPORTUNITY (HIRAO)	20 FEBRUARI 2024
3	KEMPEN PEMERIKSAAN KESIHATAN BIL.1/2024	14 MEI 2024 – 23 MEI 2024

AKTIVITI PENGURUSAN KUALITI

Bil.	PERKARA	TARIKH
1	HEPA IN HOUSE TRAINING (HIT) SIRI 02/2024 : BENGKEL PENGEMASKINIAN DAFTAR RISIKO SECARA ELEKTRONIK	24 JANUARI 2024
2	HEPA IN HOUSE TRAINING (HIT) SIRI 08/2024 : BENGKEL PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KUALITI HEPA	08 OKTOBER 2024
3	HEBAHAN SEMULA: INFO@HEPA 4/2023 : PIAGAM PELANGGAN, VISI, MISI & OBJEKTIF PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)	15 OKTOBER 2024
4	MESYUARAT JPKKP PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (HEPA) BIL.4/2024	17 OKTOBER 2024
5	HEPA IN HOUSE TRAINING BIL. 09/2024 :BENGKEL PERSEDIAAN (PERINGKAT HEPA) BAGI LAWATAN AUDIT KUALITI DALAMAN (AKD) SPK MS ISO 9001:2015 TAHUN 2024	24 OKTOBER 2024
6	HEPA IN HOUSE TRAINING BIL. 10/2024 : BENGKEL PENGEMASKINIAN DAFTAR RISIKO HEPA, 2024	05 NOVEMBER 2024
7	HEBAHAN INFO@HEPA 4/2024 : OBJEKTIF KUALITI HEPA	02 DISEMBER 2024
8	AUDIT KUALITI DALAMAN BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	3 DISEMBER 2024

HEPA IN HOUSE TRAINING TAHUN 2024



HIT BIL. 01 9 JANUARI 2024

TAKLIMAT PENGURUSAN CUTI DAN BUKU LOG PERGERAKAN STAF UMK

PENCERAMAH : PN. NUR HAZRATI BINTI NAWI
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

- Bilik Mesyuarat Pendaftar, UMK Bachok



HIT BIL. 02 24 JANUARI 2024

BENGKEL PENGEMASKINIAN DAFTAR RISIKO SECARA ELEKTRONIK

PENCERAMAH : PN. RAHAYU BINTI ABDULLAH
PUSAT STRATEGIK DAN RISIKO

- Bilik Seminar, UMK Bachok




HIT BIL. 03 20 FEBRUARI 2024

KURSUS HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND OPPORTUNITY (HIRAO)

PENCERAMAH : PN. NORHIDAYU BINTI NORUDDIN
CMEOSH

- Bilik Mesyuarat Atrium UMK Bachok



HIT BIL. 04

PENGENALAN KEPADA MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (INGGERIS: SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS, SDGS)

PENCERAMAH : PROF. MADYA DR. MOHD ASRUL HERY BIN
IBRAHIM
PENGARAH BAHAGIAN PENERBITAN DAN PENARAFAN



HIT BIL. 05 26 MAC 2024

ISTIMEWA NUZUL AL-QURAN

PENCERAMAH : USTAZ MOHD. BINYAMIN BIN CHE
YAACOB
PUSAT ISLAM UMK

- Masjid UMK



HIT BIL. 06 6 MEI 2024

BENGKEL PENGGUNAAN SISTEM PENGURUSAN ASET UNIVERSITI (AMS)

PENCERAMAH : EN. MOHD THALHAH AMIR BIN ABDUL
RAHMAN
PUSAT KOMPUTERAN DAN INFORMATI

- Bilik Mesyuarat Tok Kenali, UMK Bachok



HIT BIL. 07 5 MEI 2024

KURSUS ASAS PENGURUSAN PEJABAT

PENCERAMAH : YM RAJA AZLAN BIN RAJA ISMAIL
KETUA PENTADBIR HEPA

- Bilik Mesyuarat Senat, UMK Bachok



HIT BIL. 08 8 OKTOBER 2024

BENGKEL PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KUALITI HEPA

PENCERAMAH : YM RAJA AZLAN BIN RAJA ISMAIL
KETUA PENTADBIR HEPA

- Bilik Mesyuarat Atrium



HIT BIL. 09 20 OKTOBER 2024

BENGKEL PERSEDIAAN (PERINGKAT HEPA) BAGI LAWATAN AUDIT KUALITI DALAMAN (AKD) SPK MS ISO 9001:2015 TAHUN 2024

PENCERAMAH : DR. NIK NUR AZWANIDA BINTI ZAKARIA & DR. SURAYA BINTI SUKRI PPQ

- Bilik Mesyuarat Atrium, UMK Bachok



HIT BIL. 10 5 NOVEMBER 2024

BENGKEL PENGEMASKINIAN DAFTAR RISIKO HEPA 2024

PENCERAMAH : PN. RAHAYU BINTI ABDULLAH PUSAT STRATEGIK DAN RISIKO

- Bilik Mesyuarat Atrium, UMK Bachok



HIT BIL. 11 15 DISEMBER 2024

TAKLIMAT PEMATUHAN PROSEDUR KEWANGAN & SEMAKAN JADUAL AKRUAN HEPA 2024

PENCERAMAH : PYM RAJA AZLAN BIN RAJA ISMAIL KETUA PENTADBIR HEPA

- Bilik Mesyuarat Atrium UMK Bachok

PROGRAM TAHSIN@HEPA 2024



AUDIT KUALITI DALAMAN (AKD) 2024



BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
3 Disember 2024 | Bilik Mesyuarat Atrium, UMK Bachok

LAPORAN AUDIT DALAMAN DAN SEMAKAN HEPA AND PERSAMAAN PERALAMAN, GUNUNG PULAU DAN ALAM BUKIT, UNIVERSITI MALAYA BANGLOR			
PERSEKUTUAN GUNUNG PULAU DAN ALAM BUKIT			
Perwakilan:	Tempat:	Tarikh: 15 Disember 2024	
Ketua: Pn. Rahayu Binti Abdullah Pn. Nur Azwanida Binti Zakaria Dr. Suraya Binti Sukri PPQ Pn. Nur Hafizah Binti Yusoff Pn. Nur Hafizah Binti Yusoff	Bilik Mesyuarat Atrium, UMK Bachok		
MATA PELAKSANA			
No	Penerangan dan Perincian Audit	Keputusan Pengiraan	Nilai
1	Keperluan untuk memastikan semua maklumat yang diperlukan untuk menjalankan audit telah disediakan.	100%	5
2	Keperluan untuk memastikan semua maklumat yang diperlukan untuk menjalankan audit telah disediakan.	100%	5
3	Keperluan untuk memastikan semua maklumat yang diperlukan untuk menjalankan audit telah disediakan.	100%	5
Jumlah Keseluruhan:		100%	15

AKTIVITI & PROGRAM

MAJLIS IFTAR KELUARGA HEPA BERSAMA MAHASISWA

26 MAC 2024
MASJID UMK BACHOK

Majlis Iftar Keluarga HEPA bersama mahasiswa telah diadakan di Masjid UMK Bachok pada 26 Mac 2024. Majlis ini diadakan secara gotong-royong bersama mahasiswa bagi penyediaan jamu. Bagi memberkati lagi majlis hari ini, turut diadakan sesi HIT (HEPA in house training) dengan tajuk "Istimewa Nuzul Al-Quran". Penyampaian bantuan Bakul Ramadan kepada mahasiswa dan petugas pembersihan UMK. Hampir 400 orang staf dan mahasiswa hadir dalam majlis ini.



Penyerahan Bakul Ramadan kepada mahasiswa dan staf



Sesi HIT "Istimewa Nuzul Al-Quran"



HEPA OPEN DAY

12-13 NOVEMBER 2024
DEWAN KEUSAHAWANAN UMK KAMPUS KOTA

HEPA Open Day adalah platform untuk mahasiswa dan staf bertemu secara langsung bagi mendapatkan info perkhidmatan yang disediakan oleh HEPA. Karnival mahasiswa turut diadakan bertujuan menghimpunkan semua kelab/persatuan mahasiswa dalam satu tempat bagi memudahkan mahasiswa mendapatkan maklumat berkaitan aktiviti yang dijalankan. Ia memudahkan mahasiswa terutama pelajar baharu untuk mendekati kelab yang sesuai dengan minat. Karnival ini turut diadakan di kampus Bachok dan Jeli sebelum ini.




PERASMIAN EKSA HEPA

30 APRIL 2024
UMK BACHOK

EKSA merupakan istilah baharu bagi 5S yang telah disuntik dengan elemen pembaharuan dan penambahbaikan serta disuburkan dengan penjenamaan semula program ini, selari dengan perubahan dan kehendak semasa. Bagi menyempurkan dan menyokong pelaksanaan EKSA peringkat HEPA, beberapa aktiviti telah diadakan seperti gotong-royong Perdana.



Aktiviti Gotong - Royong Sebelum dan Selepas



PKKA



PUSAT PEMBANGUNAN KAUNSELING, KERJAYA & ALUMNI

- Bahagian Kaunseling Pelajar
- Seksyen Kebolehpasaran Graduan dan Perhubungan Kerjasama
- Seksyen Jaringan Alumni

Pusat Pembangunan Kerjaya, Kaunseling dan Alumni (PKKA) adalah untuk menyediakan perkhidmatan kaunseling dan kerjaya kepada pelajar dan staf sejajar dengan Pelan Strategik UMK 2021 – 2025 di bawah Teras Pertama iaitu Keunggulan Pelajar yang berperanan dalam melahirkan graduan yang berketrampilan, berdaya saing dan menepati kehendak industri dan majikan.

Pusat Pembangunan Kerjaya, Kaunseling dan Alumni (PKKA) terbahagi kepada 1 Bahagian dan 2 Seksyen iaitu:

- 1** Bahagian Kaunseling Pelajar
- 2** Seksyen Kebolehpasaran Graduan dan Perhubungan Kerjasama
- 3** Seksyen Jaringan Alumni



Pusat Pembangunan Kerjaya, Kauseling & Alumni

Menyediakan program berbentuk reskilling dan upskilling bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam aspek kerjaya dan membantu pelajar mencipta peluang pekerjaan selepas tamat belajar



Memperkukuhkan jalinan hubungan dengan alumni UMK tempatan dan antarabangsa secara berterusan

BAHAGIAN KAUNSELING PELAJAR

PELAKSANAAN PROGRAM BAGI TAHUN 2024

SUKUAN 1

- Kursus Crisis Support Squad Pembimbing Rakan Siswa Kebangsaan
- Program Khidmat Sosial Bersama Sekolah : School Enhancement Programme
- Program Siswa Minda Sihat Saringan Kesihatan Mental

SUKUAN 2

- Program Ignite Revolution
- Program Basic Training Of Facilitator (Btof)
- Program Counselling Care You
- University Young Motivator Competition (Umac) 2024
- Mycareer Fair@Umk 2024

SUKUAN 3

- Program 30 Minit Bersama Kaunselor (Podcast)

SUKUAN 4

- Sambutan Bulan Kaunseling

10 PROGRAM



SESI KAUNSELING

41 orang
UMK BACHOK

29 orang
UMK KAMPUS KOTA

26 orang
UMK KAMPUS JELI



BIMBINGAN DAN KONSULTASI

525 orang
UMK BACHOK

663 orang
UMK KAMPUS KOTA

470 orang
UMK KAMPUS JELI



KURSUS CRISIS SUPPORT SQUAD (CSS) PEMBIMBING RAKAN SISWA KEBANGSAAN

28-10 MAC 2024
INSTITUSI SOSIAL MALAYSIA KUALA LUMPUR (ISM KL).

Bahagian Kaunseling Pelajar, Pusat Pembangunan Kerjaya, Kaunseling dan Alumni dengan kerjasama Majlis Kaunseling Universiti Malaysia (MAKUMA) telah menganjurkan Kursus Crisis Support Squad (CSS) yang disertai oleh 40 orang ahli PRS Universiti Awam pada 08-10 Mac 2024 bertempat di Institusi Sosial Malaysia Kuala Lumpur (ISM KL). Kursus ini bertujuan memperkasakan mahasiswa dalam membantu masyarakat dengan konsep merakyatkan mahasiswa, meningkatkan tanggungjawab mahasiswa terhadap masyarakat serta memperluaskan perkhidmatan kaunseling psikososial.

Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi pada 30 Oktober 2023 sempena Seminar Psikologi Kaunseling IPT Peringkat Kebangsaan 2023. Pihak MAKUMA menasaskan lebih ramai mahasiswa yang menyertai program CSS ini agar dapat memaksimumkan peranan mahasiswa kepada masyarakat dan sekaligus dapat memacu kearah kebitaraan mahasiswa.



Pelancaran Crisis Support Squad MAKUMA yang telah disempurnakan oleh Ketua

PROGRAM SISWA MINDA SIHAT SARINGAN KESIHATAN MENTAL

Program Siswa Minda Sihat merupakan aktiviti saringan kesihatan mental dalam kalangan mahasiswa UMK.

OBJEKTIF PELAKSANAAN

Objektif pelaksanaannya adalah bagi mengenalpasti mahasiswa yang mempunyai tanda-tanda awal masalah kesihatan mental seperti :


- Kemurungan
- Kebimbangan dan stres
- Menyediakan intervensi awal dalam membantu mahasiswa mendapatkan sokongan
- Rawatan awal daripada Bahagian Kaunseling Pelajar

Pelaksanaan pengisian saringan ini dilaksanakan bermula 26 Mac 2024 sehingga 09 April 2024. Seramai 1354 responden yang telah mengisi saringan ini.



KAMPUS	BIL. RESPONDEN MAHASISWA
UMK BACHOK	550
KAMPUS KOTA	461
KAMPUS JELI	343

PERATUSAN RESPONDEN YANG MENGGISI SARINGAN MENGIKUT KAMPUS



**PROGRAM KHIDMAT SOSIAL BERSAMA SEKOLAH :
SCHOOL ENHANCEMENT PROGRAMME**

JANUARI HINGGA NOVEMBER 2024

School Enhancement Programme merupakan salah satu program khidmat sosial yang dilaksanakan oleh Bahagian Kaunseling Pelajar dengan kerjasama Kelab Pembimbing Rakan Siswa UMK yang dijalankan pada bulan Januari hingga November 2024. Program yang berfokuskan kepimpinan dan motivasi ini telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 1,680 orang pelajar daripada 10 buah sekolah. Penglibatan mahasiswa sebagai fasilitator pula adalah seramai 203 orang.

Pelaksanaan program ini bukan sahaja mampu memberikan impak yang baik dari segi peningkatan keyakinan diri, kemahiran kepimpinan dan tahap motivasi tetapi turut membuka ruang jaringan sosial antara Universiti Malaysia Kelantan dengan pihak sekolah. Disamping itu, dapat memberi penjana pendapatan dalam Tabung Amanah Kaunseling sebanyak RM 11,180.00.



Perbandingan Perkhidmatan Program Komuniti Tahun 2021 hingga 2024:

TAHUN	JUMLAH SEKOLAH	JUMLAH PELAJAR SEKOLAH	JUMLAH MAHASISWA UMK	PENJANAAN PENDAPAAAN
2024	10	1,680	203	RM11,180.00
2023	22	2,085	272	RM11,492.00
2022	11	1,472	228	RM6,945.00
2021	10	110	24	0

Penglibatan Sekolah bagi Perkhidmatan Komuniti Tahun 2024:

Bil.	SEKOLAH	TABUNG AMANAH	TARIKH	PENGLIBATAN MAHASISWA UMK	PENGLIBATAN PELAJAR SEKOLAH
1	SEKOLAH KEBANGSAAN BEKELAM	390	11 JANUARI 2025	10	78
2	SEKOLAH KEBANGSAAN KOTA JEMBAL	1700	18-19 APRIL 2024	15	170
3	SEKOLAH KEBANGSAAN PADANG MOKAN	800	21-23 APRIL 2024	12	80
4	SEKOLAH KEBANGSAAN KEM PENGKALAN CHEPA	845	30 APRIL 2024	25	169
5	SEKOLAH KEBANGSAAN ISLAH	2880	2-3 MEI 2024	25	288
6	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PAK AMAT	600	9-10 MEI 2024	21	225
7	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO 'PERDANA	900	9-10 MEI 2024	25	90
8	SEKOLAH KEBANGSAAN PADANG GARONG	2250	9-10 MEI 2024	25	240
9	SEKOLAH KEBANGSAAN LUBOK STOL	450	10 OGOOS 2024	15	100
10	SEKOLAH KEBANGSAAN MENTERA	365	11 OGOS 2024	30	240
		RM11,180		203	1,680

PROGRAM IGNITE REVOLUTION

26-27 APRIL 2024.

PADANG KAWAD PUSAT KOKURIKULUM, UMK BACHOK

Seramai 60 orang mahasiswa/i dari Kelab Seliaan Bahagian Kaunseling Pelajar, Pusat Pembangunan Kerjaya, Kaunseling dan Alumni yang terdiri daripada 30 orang Ahli Kelab Pembimbing Rakan Siswa UMK dan 30 orang Ahli Kelab Mahasiswa PEMADAM UMK telah menjalani Program Ignite Revolution 2024 yang dilaksanakan pada 26-27 April 2024. Program ini telah dijalankan selama 2 hari dan 1 malam yang bertempat di Padang Kawad Pusat Kokurikulum, UMK Bachok. Program ini merupakan satu inisiatif kepada kelab seliaan dalam merancang, merangka dan menyusun perancangan halatuju kelab bagi

merealisasikan impak kepada mewujudkan nilai tambah dan kemahiran insaniah kepada mahasiswa/i UMK.

Program ini juga dilihat dapat meningkatkan lagi kemahiran insaniah ahli kelab PRS dari sudut mengelola program, mengendalikan emosi dengan betul dan mewujudkan kemahiran pembujukan rundingan dalam diri mahasiswa UMK.



PROGRAM BASIC TRAINING OF FACILITATOR (BTOF)

02 MEI 2024

DEWAN KEUSAHAWANAN UMK KAMPUS KOTA

Program Basic Training of Facilitator (BToF) 2024 anjuran Bahagian Kaunseling Pelajar, Pusat Pembangunan Kerjaya, Kaunseling dan Alumni dengan kerjasama Kelab Pembimbing Rakan Siswa UMK telah dilaksanakan dengan jayanya pada 02 Mei 2024 yang terdiri daripada penglibatan 200 orang peserta dari ketiga-tiga kampus UMK dan dengan kekuatan 25 orang fasilitator daripada Kelab Pembimbing Rakan

Siswa UMK. BToF kali ini dimanfaatkan dengan slot ilmu kefasilitatoran daripada penceramah jemputan. Program telah dirasmikan oleh Pengarah Pusat Pembangunan Kerjaya, Kaunseling dan Alumni, Dr Razman Hafifi Bin Redzuan.

Program ini bertujuan membekalkan ilmu kefasilitatoran dan kemahiran insaniah kepada pelajar UMK sebagai persediaan menjadi seorang fasilitator yang berkesan terutamanya melibatkan program-program berimpak tinggi seperti Minggu Mesra Mahasiswa (3M).

Objektif program ini juga adalah untuk melahirkan mahasiswa yang memiliki kemahiran asas sebagai seorang fasilitator yang boleh memimpin dan dipimpin dengan positif. Disamping itu, program ini berpeluang untuk menonjolkan bakat dan potensi yang ada dalam diri mahasiswa ketika menjalani aktiviti-aktiviti yang disediakan serta menampilkan personaliti yang meyakinkan.



PROGRAM COUNSELLING CARE YOU


Counselling Care-U (Counselling Awareness Outreaching Programme) merupakan aktiviti bagi memberi pendedahan awal perkhidmatan kaunseling yang disediakan kepada mahasiswa dan mahasiswi UMK. Program ini merupakan program tahunan anjuran Bahagian Kaunseling Pelajar

dengan kerjasama Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) dan Kelab Mahasiswa PEMADAM UMK. Pelaksanaan program ini adalah bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mahasiswa dan mahasiswi melalui ujian psikologi yang disediakan oleh pihak Bahagian Kaunseling Pelajar.



Ujian psikologi merupakan pengukuran psikologi dalam kaunseling yang boleh membantu mahasiswa memahami emosi mereka sendiri, corak tingkah laku dan personaliti. Hal ini mampu memberi kemahiran pengendalian psikologi kepada mahasiswa/i yang mengalami masalah emosi, tingkah laku dan permasalahan mental.

Pelaksanaan program ini diadakan melalui dua siri. Siri satu di Dewan Keusahawanan, UMKampus Kota diadakan pada 14 - 15 Mei 2024 dengan penglibatan 183 orang mahasiswa. Manakala Siri dua diadakan pada 14-15 Oktober 2024 di UMK Bachok bertempat di Dewan Tuanku Canselor (DTC) dengan melibatkan 135 orang mahasiswa. Manakala pada 16-17 Oktober 2024 bertempat di Dewan UMK Kampus Jeli dengan penglibatan 74 orang mahasiswa. Pada 20-21 Oktober 2024 pula CARE-U dilaksanakan di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota dengan penglibatan seramai 467 orang mahasiswa.




PROGRAM UNIVERSITY YOUNG MOTIVATOR COMPETITION (UMAC) 2024

26 JUN 2024
DEWAN UTAMA UMK KAMPUS JELI

University Young Motivator Competition (UMAC) merupakan sebuah program yang bertujuan untuk mencungkil bakat mahasiswa menjadi seorang motivator yang lebih berkualiti dan berketrampilan dalam bentuk pertandingan. Program ini juga menjadi keperluan kepada mahasiswa bagi membekalkan kemahiran asas yang diperlukan untuk menjadi seorang motivator yang mampu memberi impak positif kepada mahasiswa UMK.



Pelaksanaan UMAC bagi tahun 2024 telah dilaksanakan secara dua peringkat. Peringkat Saringan 1 (Video Inspirasi Motivasi) diadakan pada 16-22 April 2024 yang melibatkan seramai 25 orang peserta dan 28 orang urusetia mahasiswa yang melibatkan ketiga-tiga kampus. Manakala, Peringkat Saringan 2 (pengucapan awam) diadakan pada 4 Jun 2024 bertempat di Bilik Kuliah Kompleks Akademik UMK Bachok. Peringkat Akhir UMAC diadakan pada 26 Jun 2024 di Dewan Utama UMK Kampus Jeli.



Jumlah penyertaan mengikut Tahun

Seramai 8 orang peserta berentap untuk mewakili UMK ke peringkat kebangsaan yang diadili oleh juri terdiri daripada pensyarah UMK. Che Nurul Amirah Binti Che Daud dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan telah dinobatkan sebagai Juara UMAC 2024 dan membawa pulang Piala Pusingan, Piala Iringan, Wang Tunai RM300.00 dan Sijil. Naib Juara UMAC 2024 telah dimenangi oleh Bibi Nur Allya Maisara Binti Hasnu daripada Fakulti Hospitaliti, Pelancongan Dan Kesejahteraan. Naib Juara membawa pulang Piala Iringan,

Wang Tunai RM200.00 dan Sijil. Tempat ketiga membawa pulang Piala Iringan, Wang Tunai RM100.00 dan Sijil telah dimenangi oleh Nur Faiqah Humaira Binti Yusup dari Fakulti Industri Asas Tani. Juara dan Naib Juara UMAC 2024 akan mewakili UMK ke peringkat kebangsaan dalam Intervarsity Young Motivator Competition (IMAC) 2024 di Universiti Teknikal Melaka Malaysia (UTeM) yang melibatkan 20 buah universiti awam di Malaysia.



MyCAREER FAIR@UMK 2024

14-15 MEI 2024

DEWAN KEUSAHAWANAN, UMK KAMPUS KOTA

MyCareer Fair@UMK 2024 berjaya menarik seramai 3000 orang pengunjung di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota. Karnival yang berlangsung selama dua hari bermula 14 hingga 15 Mei 2024. MyCareer Fair@UMK menyediakan sebanyak 15 booth kepada pemain industri untuk para Lulusan SPM, STPM, Diploma, Ijazah serta Pemegang Sijil-Sijil Kemahiran untuk meneroka peluang kerjaya di syarikat-syarikat terpilih. Pihak industri turut menyediakan platform untuk mahasiswa Universiti Awam dan Swasta meninjau penempatan latihan industri yang ditawarkan.

Objektif utama penganjuran Karnival Kerjaya ini adalah bagi memberi peluang kepada pelajar khususnya bakal graduan dengan informasi berkaitan kerjaya dan peluang pekerjaan. Antara aktiviti yang diadakan adalah Pameran Kerjaya dan Pendidikan, Employer Engagement, Get Hired Session, temuduga terbuka dan juga pelbagai program dan perkongsian daripada industri. Bersempena dengan penganjuran MyCAREER@UMK 2024 kali ini, pihak kami menyediakan Hot Seat Career Expert yang berperanan dalam membimbing perkembangan kerjaya kepada pengunjung yang hadir melalui kepakaran Alumni dan Industri yang dilantik.



Seramai 15 industri yang bekerjasama dalam menjayakan karnival kerjaya kali ini yang meliputi pelbagai bidang syarikat. Antara rakan industri yang terlibat ialah Technoriant Sdn. Bhd. dan Maybank Islamic Berhad (Maybank). Selain itu, turut memberi sokongan dari rakan-rakan baharu industri seperti Bank Muamalat Malaysia dan juga Maxis Broadband Sdn. Bhd., Syarikat PricewaterhouseCoopers (PwC), IWP Group Sdn. Bhd., Proton EON Kota Bharu, Harima Outomobil, Ijtehad Group serta pihak Talent Corporation (TalentCorp) yang sentiasa menyokong UMK dalam setiap anjuran program.



PROGRAM 30 MINIT BERSAMA KAUNSELOR (PODCAST)

Program ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada individu, terutamanya para pelajar, untuk berinteraksi dengan kaunselor selama 30 minit secara berkala. Melalui program ini peserta dapat membincangkan pelbagai isu dan dilemma dengan lebih eksklusif dan santai untuk kesedaran bersama secara kolektif. Siri 30 minit bersama kaunselor telah diadakan sebanyak 4 siri yang melibatkan 200 orang mahasiswa.





4 SIRI PODCAST :

01. LAST MINUTES@ON TIME

02. IKHLAS

03. REALITI KEHIDUPAN

04. MEMBERI VS MENERIMA





SAMBUTAN BULAN KAUNSELING


Sambutan Bulan Kaunseling bertujuan mendekatkan perkhidmatan kaunseling dan kaunselor kepada pelajar sebagai avokasi terhadap pentingnya mendapatkan perkhidmatan profesional sama ada melalui runding cara atau penglibatan dalam pelbagai aktiviti psikopendidikan. Pemerkasaan aksesibiliti Bahagian Kaunseling Pelajar, Pusat Pembangunan Kerjaya, Kaunseling Dan Alumni melalui promosi Bulan Kaunseling Kebangsaan.





AKTIVITI/PROGRAM


- **2799**  Penyertaan
EXPERIENCE FOR SERIOUS EDUCATION (EXPOSURE)
 2 OKTOBER 2024


- **2799**  Penyertaan
PROFILING PERSONALITI MYNEXT MAHASISWA
 3 OKTOBER 2024


- **265**  Penyertaan
COMMUNITY ENGAGEMENT@ SCHOOL-SMK BUKIT JAWA
 7 OKTOBER 2024

- **263**  Penyertaan
WEBINAR : MAHASISWA SIHAT, MINDA LIGAT
 18 OKTOBER 2024

- **48**  Penyertaan
SEJAHTERA INSANI MAHASISWA SULONG
 12 OKTOBER 2024

- **15**  Penyertaan
INTERNATIONAL COMMUNITY EXCHANGE (ICX)
 22-29 OKTOBER 2024

- **307**  Penyertaan
WAYANG TERAPI MINDA
 OKTOBER 2024

- **49**  Penyertaan
PERTANDINGAN
 Infografik, Fotografi, Video Motivation Talk
 OKTOBER 2024



SEKSYEN KEMAHKAMARAN GRADUAN DAN PERHUBUNGAN KERJASAMA

PELAKSANAAN PROGRAM BAGI TAHUN 2024

SUKUAN 1

- Program Pensijilan Professional Di Bawah Program Penjana Kpt-Cap: Cert Iii In Drone Technology & Operations

SUKUAN 2

- -

SUKUAN 3

- K-Youth Development Program Bersama Talentlabs

SUKUAN 4

- Taklimat Skpg 1.0
- Taklimat Skpg 2.0
- Mynext Internship Market Week X Career Entrepreneurship And Skills Festival (Mynext IMW X CESF'24)
- Kampus Digital Umk
- Festival Idea Putrajaya (PFOI) 2024

7 PROGRAM



DANA GE

PROGRAM PENSIJILAN PROFESSIONAL DI BAWAH PROGRAM PENJANA KPT-CAP: CERT III IN DRONE TECHNOLOGY & OPERATIONS

11 JANUARI 2024
UMK KAMPUS JELI

Seramai 46 peserta yang terpilih, telah menjalani latihan selama 5 hari di UMK Jeli secara fizikal, yang dikendalikan oleh Technoriant Sdn Bhd dengan kerjasama dari ahli akademik UMK di Jeli. Managing Director Technoriant Sdn Bhd, Dato Bruce Lim telah hadir untuk memantau program yang dilaksanakan.



- Memberi nilai tambah kepada graduan UMK dengan mendapatkan pensijilan profesional



- Peluang pekerjaan kepada graduan di syarikat terpilih selain daripada menjadi usahawan.



- Problem-Solving



- Relationship Building



DATA GE


TAKLIMAT SKPG 1.0

Taklimat kepada semua Penyelaras GE & Alumni bersama dengan lantikan Skim Pelajar Bekerja (SPB) diadakan bagi menerangkan kefahaman berkaitan takrifan definisi “bekerja” dan menekankan berkaitan pengisian SKPG 1.0. Sistem SKPG 1.0 mula dibuka bermula pada 26 November 2024.



TAKLIMAT SKPG 2.0

Taklimat kepada lantikan Skim Pelajar Bekerja (SPB) diadakan secara dalam talian bagi penerangan berkaitan SKPG 2.0 dan gerak kerja dimulakan pada 22 Disember 2024.



KERJAYA

K-YOUTH DEVELOPMENT PROGRAM BERSAMA TALENTLABS

Program Kampus Digital UMK, yang berlangsung sejak Julai 2024, terbuka kepada semua pelajar UMK yang berminat untuk menguasai Data Analytics dan Digital Marketing. Dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Kerjaya, Kaunseling dan Alumni (PKKA) UMK dengan kerjasama TalentLabs dan Khazanah Nasional Berhad, program ini merupakan peluang percuma bagi pelajar meningkatkan kemahiran dan bersedia menghadapi dunia pekerjaan.

FOKUS :

- Latihan Dalam Analitik Data
- Pembangunan Laman Web
- Penggunaan AI Dalam Perniagaan

153
PELAJAR TERLIBAT



KAMPUS DIGITAL

Kampus Digital UMK dan tingkatkan kemahiran yang bertujuan untuk menyokong kebolehpasaran pelajar. Program ini melengkapkan para pelajar dengan kemahiran digital dan pengetahuan bagi mempersiapkan pelajar untuk menghadapi dunia pekerjaan dalam era digital. membekalkan mereka kemahiran digital dan pengetahuan yang relevan dalam era digital.

FOKUS :

- Latihan Dalam Analitik Data
- Pembangunan Laman Web
- Penggunaan AI Dalam Perniagaan
- Membekalkan Kemahiran Dan Pengetahuan Digital

40

ORANG TERLIBAT



MyNext INTERNSHIP MARKET WEEK X CAREER ENTREPRENEURSHIP AND SKILLS FESTIVAL (MyNEXT IMW X CESF'24)

10 OKTOBER 2024
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Seramai 35 pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berpeluang menyertai MyNext Internship Market Week X Career Entrepreneurship and Skills Festival (MyNEXT IMW X CESF'24) yang diadakan di Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Program Industri and Careers Expo ini memberi peluang dan pendedahan kepada pelajar yang akan menjalani Latihan Industri pada semester hadapan dengan harapan dapat meningkatkan kemahiran pelajar dalam industri.





FESTIVAL IDEA PUTRAJAYA (PFOI) 2024

27-29 NOVEMBER 2024
PUTRAJAYA

Festival Idea Putrajaya (PFOI) yang julung kali diadakan berlangsung dari 27 hingga 29 November 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Acara ini dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya sebagai platform untuk komuniti pendidikan tinggi berkongsi, menjana, dan memperkenalkan idea, inovasi serta teknologi baharu kepada masyarakat. Seramai 37 orang pelajar terlibat.



SEKSYEN JARINGAN ALUMNI

PELAKSANAAN PROGRAM BAGI TAHUN 2024

SUKUAN 1

- Program Jelajah Alumni Umkpreneur Bil.1/2024 - Harun Hazim Bin Zakaria
- Perbincangan Ukhwah Kasih Alumni Umk Dengan Wakil Pertubuhan Alumni Umk
- Perbincangan Kerjasama Bersama Industri - Eastern Steel Sdn Bhd
- Program Jelajah Alumni Umkpreneur Bil.1/2024 - Dr. Mohd Hafizie Bin Mahadi

SUKUAN 2

- Program Kasih Ukhwah Alumni Umk Bersama Saudara Khairul Afif Bin Yahya
- Penglibatan Alumni Umk Dalam Program Basic Training Of Facilitator (Btof) 2024
- Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Alumni Universiti Malaysia Kelantan (Umk) 2024
- Penglibatan Alumni Umk Sebagai Mentor Hotseat Sempena Program Mycareer@Umk 2024

SUKUAN 3

- Program Jelajah Alumni Umkpreneur Bil.3/2024 - Shanadz Legacy Sdn. Bhd.
- Penganugerahan Anugerah Alumni Muda Harapan Sempena Majlis Alumni Universiti Awam 2024 (Mal'24) - Dr. Shah Hirul Zakwan Bin Mohd Shah Huddin
- Program Kasih Ukhwah Alumni Umk Bersama Saudara Muhammad Hasbullah Bin Hassan
- Program Kasih Ukhwah Alumni Umk Bersama Saudari Siti Nur Syahirah Binti Abd Aziz
- Program Jelajah Alumni Umkpreneur Bil.4/2024 - Nurbella Empire Sdn. Bhd.

SUKUAN 4

- Program Alumni Bersama Pelajar (Alumni Connect 1.0)
- Sesi Santai Alumni Chapter Sarawak Bersama Prof. Mois
- Penglibatan Syarikat Alumni UMK Di Konvensyen Usahawan Alumni Universiti Awam Kali Ke-3
- Temubual Keusahawanan Saudari Nur Izzati, Usahawan Graduan Berjaya (Alumni FKP 2018) Di Rancangan Selamat Pagi Malaysia Rtm (Spm @ Bachok)
- Alumni Umk Menerima Anugerah Pencapaian Cemerlang (Kategori Universiti) Sempena Program Mohe-Mdec Global Outsourcing Talent (GOT)
- Let's Engage! With Sme Bank – An Engagement Session With UMK Alumni

19 PROGRAM



PROGRAM JELAJAH ALUMNI UMKPRENEUR BIL.1/2024

7 JANUARI 2024
MELOR, KOTA BHARU

Program ini merupakan inisiatif untuk membolehkan pihak UMK turun padang bagi melihat sendiri perniagaan yang diusahakan oleh alumni UMK.

Saudara Harun merupakan pengasas kepada Syarikat Bumi Agritech yang terletak di Melor, Peringat, Kota Bharu. Syarikat ini telah ditubuhkan pada tahun 2016 dan berperanan dalam membekal simen beku haiwan, hasil pernternakan, peralatan dan kelengkapan ternakan, ubat/ makanan untuk ternakan, baka ternakan dan sempel ke industri yang berkaitan.



Harun Hazim Bin Zakaria merupakan alumni Fakulti Industri Asas Tani (FIAT), program Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Penternakan) dengan Kepujian dan telah bergraduat pada tahun 2016.



PERBINCANGAN KASIH UKHUWAH ALUMNI BERSAMA PERTUBUHAN ALUMNI UMK

29 JANUARI 2024
UMK KAMPUS KOTA

Perbincangan dipengerusikan oleh YBrs. En. Danial Khaleq Mohd Ali selaku Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan; hadir bersama En. Razman Hafifi Pengarah Pusat Pembangunan Kerjaya, Kaunseling dan Alumni; PM. Dr. Tuan Rosli Tuan Hassan Presiden Pertubuhan Alumni UMK dan Ts. Mohd Norhaizat Naim, SU Kehormat Pertubuhan Alumni UMK serta PM. Ts. Dr. Norshahrizan dan Dr. Mohd Zharif (Hadir secara dalam talian).



Pelbagai agenda dibincangkan demi sama-sama mengemblem tenaga dan buah fikiran dalam membangunkan Pertubuhan Alumni UMK dan dapat membantu Alumni UMK yang lain.



PERBINCANGN KERJASAMA BERSAMA INDUSTRI EASTERN STEEL SDN. BHD.

Perbincangan dan persetujuan awal dengan pihak Eastern Steel Sdn Bhd telah di meterai pada perjumpaan tersebut. Satu perjanjian Mou akan ditandatangani dijangka pada bulan Mei 2024. Eastern Steel adalah

syarikat mega yang berpangkalan di China sedang mencari 'POTENTIAL WORKERS', dengan jumlah hampir 1,000 peluang pekerjaan dari pelbagai bidang.



IMPAK :

- Penawaran 1000 peluang pekerjaan kepada Alumni
- 500 kekosongan LI dalam pelbagai bidang




PROGRAM JELAJAH ALUMNI UMKPRENEUR BIL.2/2024

21 FEBRUARI 2024
KOTA BHARU

Program ini merupakan inisiatif untuk membolehkan pihak UMK turun padang bagi melihat sendiri perniagaan yang diusahakan oleh alumni UMK.

Dr. Hafizie merupakan Ketua Pegawai Operasi kepada Klinik Haiwan dan Operasi Vet O Vet yang terletak di Jalan Pengkalan Chepa, Kota Bharu. Klinik ini telah ditubuhkan pada tahun 2018 dan berperanan dalam penjagaan haiwan melibatkan konsultasi dan rawatan, penyediaan wad haiwan, pembedahan, pemvaksinan dan panggilan ke rumah.



Dr. Mohd Hafizie bin Mahadi merupakan alumni Fakulti Perubatan Veterinar (FPV), program Doktor Perubatan Veterinar dan telah bergraduat pada tahun 2014.



PROGRAM KASIH UKHUWAH ALUMNI UMK BERSAMA SAUDARA KHAIRUL AFIF BIN YAHYA

26 APRIL 2024
SABAH

Pusat Pembangunan Kerjaya, Kaunseling dan Alumni (PKKA) telah mengadakan satu program Kasih Ukhuwah Alumni UMK bersama dengan Khairul Afif Bin Yahya, Alumni tahun 2017.

Khairul Afif Bin Yahya merupakan alumni Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), program Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Logistik dan Perniagaan Pengedaran) dengan Kepujian dan telah bergraduat pada tahun 2017.

Beliau kini merupakan Pegawai Pemasaran di Sime Darby Rent-A-Car Sdn. Bhd. (Hertz International Licensee), sebuah syarikat yang melibatkan perkhidmatan kereta sewa.



PENGLIBATAN ALUMNI UMK DALAM PROGRAM BASIC TRAINING OF FACILITATOR (BToF) 2024

2 MEI 2024
PENGKALAN CHEPA

Pusat Pembangunan Kerjaya, Kaunseling dan Alumni melalui Seksyen Kaunseling dan Kerjaya Pelajar dengan kerjasama Pembimbing Rakan Siswa UMK telah berjaya menganjurkan Program Basic Training of Facilitator (BToF) 2024 dengan penglibatan seramai 200 orang peserta dari ketiga tiga kampus UMK.

Program ini telah menjemput alumni UMK iaitu Saudara Ts. Mohd Norhaizzat Naim Bin Mohd Mazlan sebagai salah seorang penceramah jemputan. Saudara Mohd Norhaizzat Naim juga merupakan Setiausaha Kehormat Pertubuhan Alumni UMK.





MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI ALUMNI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) 2024

4 MEI 2024
KAJANG, KUALA LUMPUR

Seramai 189 orang Alumni UMK bersama dengan keluarga yang terdiri daripada pelbagai batch dan fakulti telah hadir memeriahkan program Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Alumni UMK 2024. Program ini dianjurkan oleh Seksyen Jaringan Alumni, Pusat Pembangunan Kerjaya, Kaunseling dan Alumni, UMK dengan kerjasama Pertubuhan Alumni UMK.

Majlis Rumah Terbuka ini adalah program julung kali diadakan dan merupakan salah satu platform penting bagi mengeratkan lagi hubungan di antara pihak UMK dan para alumni. Melalui program ini juga, alumni UMK berpeluang untuk bersua muka dalam suasana berlainan agar mereka dapat merasakan bahawa pihak Universiti masih mementingkan mereka walaupun telah menamatkan pengajian di UMK.

Antara pengisian program adalah :

- Penyerahan wafiatan pelantikan Jawatankuasa Pertubuhan Alumni UMK
- Pelancaran Tabung Sumbangan Alumni
- Solat Zohor berjemaah yang diimamkan oleh YBhg. Dato' Naib Canselor UMK
- Promosi Program Pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah UMK - diskaun 20% (terbuka kepada Alumni UMK)
- Hebahan Program MyCareer@UMK 2024 pada 14 dan 15 Mei 2024 bertempat di UMK Kampus Kota



Dihadiri oleh YBhg. Dato' Dr. Hassan Basri Bin Awang Mat Dahan, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, YBhg. Prof. Dato' Dr. Razli Bin Che Razak, Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Dr. Mohammad Bin Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBrs. Dr. Razman Hafifi Bin Redzuan, Pengarah PKKA dan YBrs. Prof. Madya Dr. Tuan Mohd Rosli Bin Tuan Hassan, Presiden Pertubuhan Alumni UMK serta JK Pertubuhan Alumni UMK.

**PENGLIBATAN ALUMNI UMK
SEBAGAI MENTOR HOTSEAT
SEMPENA PROGRAM MyCAREER@
UMK 2024**

Program ini telah menjemput alumni UMK iaitu Saudara Ts. Mohd Norhaizzat Naim Bin Mohd Mazlan dan Saudara Ts. Zulkifli Bin Ab. Rahim sebagai Mentor Hotseat sempena Program MyCAREER@UMK 2024.



**PROGRAM JELAJAH ALUMNI
UMKPRENEUR BIL.3/2024**

10 OGOS 2024
KUALA KANGSAR



Program ini merupakan inisiatif untuk membolehkan pihak UMK turun padang bagi melihat sendiri perniagaan yang diusahakan oleh alumni UMK.

Pihak PKKA telah mengadakan lawatan ke sebuah klinik veterinar alumni yang berjaya iaitu Dr. Shah Hirul Zakwan Bin Mohd Shah Huddin dan Dr. Hasna Nadia Binti Hasan Sazalli. Mereka berdua merupakan pasangan suami isteri yang berjaya membina jenama mereka sendiri iaitu Klinik Veterinar Shanadz dan Shanadz Farmville.

Dr. Shah Hirul Zakwan merupakan ketua pegawai eksekutif dan dibantu isteri beliau iaitu Dr. Hasna Nadia yang bertindak sebagai Ketua Pegawai Operasi kepada Klinik Veterinar Shanadz. Klinik cawangan pertama mereka terletak di Taman Chandan Puteri, Kuala Kangsar dan cawangan kedua pula terletak di Taman Intanova, Teluk Intan.

Manakala Shanadz Farmville telah ditubuhkan pada tahun 2023 dan terletak di Kubang Pekan, Kuala Kangsar. Buat masa sekarang ini, Shanadz Farmville berperanan dalam perternakan kambing tenusu dan telah mempunyai sebanyak 15 ekor kambing tenusu di ladang tersebut.



Klinik ini telah ditubuhkan pada tahun 2017 dan berperanan dalam penjagaan haiwan melibatkan konsultasi dan rawatan, penyediaan wad haiwan dan hotel haiwan, pembedahan, dan pemvaksinan.



Dr. Shah Hirul Zakwan dan Dr. Hasna Nadia merupakan alumni Fakulti Perubatan Veterinar (FPV), program Doktor Perubatan Veterinar dan telah bergraduat pada tahun 2016.

PENGANUGERAHAN ANUGERAH ALUMNI MUDA HARAPAN SEMPENA MAJLIS ALUMNI UNIVERSITI AWAM 2024 (MAL'24) - DR. SHAH HIRUL ZAKWAN BIN MOHD SHAH HUDDIN

17 OGOS 2024
KUALA LUMPUR

Alumni Program Perubatan Veterinar, Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) Universiti Malaysia Kelantan (UMK, Dr. Shah Hirul Zakwan Bin Mohd Shah Huddin, 35, dinobatkan sebagai Alumni Muda Harapan pada Malam Anugerah Alumni Universiti Awam Malaysia (MAL'24), di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTC), Kuala Lumpur.



Beliau telah menerima anugerah berupa piala dan sijil dari Menteri Pendidikan Tinggi, YB. Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir.

PROGRAM KASIH UKHUWAH ALUMNI UMK BERSAMA SAUDARA MUHAMMAD HASBULLAH BIN HASSAN

20 OGOS 2024
PENGAKALAN CHEPA

Muhammad Hasbullah Bin Hassan merupakan alumni Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), program Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Perdagangan) dengan Kepujian dan telah bergraduat pada tahun 2018.

bersama adalah penyediaan tempat bagi latihan industri kepada pelajar UMK, peluang untuk berkolaborasi dengan UMK melalui Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) dan Institut Keusahawanan UMK (UMKEI) serta kaedah sumbangan beliau sebagai Alumni UMK.

Beliau kini merupakan Pengarah Primo Synergy Sdn. Bhd. sebuah syarikat yang melibatkan pengedaran produk farmaseutikal kesihatan dan kosmetik, khidmat pemasaran, jualan atas talian dan edagang, perhidmatan logistik & servis penghantaran. Antara hasil perbincangan



Program ini dihadiri oleh Encik Nik Zulkamal Bin Nik Hassan, Ketua Seksyen Kaunseling dan Kerjaya Pelajar.





PROGRAM KASIH UKHUWAH ALUMNI UMK BERSAMA SAUDARI SITI NUR SYAHIRAH BINTI ABD AZIZ

8 SEPTEMBER 2024
SUNGAI PETANI

Siti Nur Syahirah Binti Abd Aziz merupakan alumni Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), program Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Peruncitan) dengan Kepujian dan telah bergraduasi pada tahun 2015.

Beliau kini merupakan Coway Health Manager di Sungai Petani, sebuah syarikat yang melibatkan ejen jualan sah penapis air jenama Coway, pengeluar kelengkapan rumah, dapur dan bilik air.

PROGRAM JELAJAH ALUMNI UMKPRENEUR BIL.4/2024

8 SEPTEMBER 2024
YAN, KEDAH

Nur Izzati Binti Abd Ghani merupakan Alumni Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), program Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Peruncitan) dengan Kepujian dan telah bergraduasi pada tahun 2015.

Nur Izzati merupakan pemilik kepada NurBella Empire Sdn. Bhd. yang terletak di Taman Mahsuri, Sungai Limau Dalam, Yan, Kedah. NurBella adalah sebuah syarikat yang menekankan kepada fesyen muslimah iaitu mengeluarkan sarung lengan Top 1 Brand dalam Malaysia.



Syarikat NurBella Empire Sdn. Bhd. ini telah ditubuhkan pada tahun 2016 bermula di rumah beliau sendiri dan kemudiannya berjaya membuka galeri/syarikat sendiri di daerah Yan, Kedah pada tahun 2018. NurBella berperanan dalam mengeluarkan dan menghasilkan sendiri sarung lengan yang terdiri daripada pelbagai jenis dan warna. Di samping itu, NurBella Empire Sdn. Bhd. juga ada mengeluarkan tudung trendy dan eksklusif mengikut peredaran masa.



PROGRAM ALUMNI BERSAMA PELAJAR (ALUMNI CONNECT 1.0)

Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar untuk mendengar pengalaman dari sesi perkongsian daripada alumni FPV UMK yang telah berjaya dalam bidang veterinar.

Perkongsian ini telah disampaikan oleh:

- Dr. Shah Hirul Zakwan Mohd Shah Hudin, Pengarah Shahnadz Legacy Sdn. Bhd. Topik: "Kerjaya Doktor Veterinar"
- Dr. Ahmad Azamin Shamsudin, Pegawai Veterinar KOSAVET. Topik: "Life is too short to be little".



Kedua- dua alumni ini telah menyampaikan sesi perkongsian berkenaan pengalaman masing-masing sebagai doktor veterinar dalam bidang haiwan kesayangan dan juga dalam bidang melibatkan haiwan ternakan. Sesi perkongsian ini menekankan kepada pelajar doktor veterinar di UMK untuk sentiasa mengambil serius dalam aspek pembelajaran kerana ia akan memberikan asas yang kukuh apabila mereka telah masuk ke alam pekerjaan.

Dr. Shah Hirul Zakwan yang juga merupakan penerima anugerah alumni harapan UMK juga telah berkongsi kepada pelajar berkenaan persediaan-persediaan yang diperlukan oleh pelajar yang bakal bergraduat sebelum memasuki alam pekerjaan sebagai doktor veterinar yang bertauliah. Manakala Dr. Azamin telah berkongsi mengenai peluang-peluang perniagaan dalam bidang veterinar yang ada yang boleh dimanfaatkan oleh bakal graduan.



SESI SANTAI ALUMNI CHAPTER SARAWAK BERSAMA PROF. MOIS

18 OKTOBER 2024
KUCHING

Satu sesi santai Alumni UMK Chapter Sarawak telah diadakan dan dihadiri oleh YBhg. Prof. Dr. Mohammad Bin Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBrs. Dr. Razman Hafifi Bin Redzuan, Pengarah Pusat Pembangunan Kerjaya, Kaunseling dan Alumni (PKKA), En. Raja Azlan Bin Raja Ismail, Ketua Pentadbir HEPA dan En. Mohd Norhafizan Bin Muhmmad, Penolong Pendaftar Kanan PKKA.

Sesi santai ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada alumni untuk bertemu semula bersama Pengurusan UMK di samping berkongsi pengalaman, dan berinteraksi dalam suasana yang lebih santai dan mesra.



PENGLIBATAN SYARIKAT ALUMNI UMK DI KONVENSYEN USAHAWAN ALUMNI UNIVERSITI AWAM KALI KE-3

19-20 OKTOBER 2024
UNIMAS, SARAWAK

Konvensyen Usahawan Alumni Universiti Awam Kali Ke-3 telah diadakan pada 19 dan 20 Oktober 2024 bertempat di UNIMAS, Sarawak.

Alumni UMK yang terlibat dalam program ini adalah saudara Muhammad Hasbullah bin Hassan (Alumni FKP 2018). Beliau merupakan Pengarah Primo Synergy Sdn. Bhd. sebuah syarikat yang melibatkan pengedaran produk farmaseutikal kesihatan dan kosmetik, khidmat pemasaran, jualan atas talian dan edagang, perhidmatan logistik & servis penghantaran



TEMUBUAL KEUSAHAWANAN SAUDARI NUR IZZATI, USAHAWAN GRADUAN BERJAYA (ALUMNI FKP 2018) DI RANCANGAN SELAMAT PAGI MALAYSIA RTM (SPM @ BACHOK)

20 OKTOBER 2024
UMK BACHOK

Penglibatan Alumni UMK dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia (SPM @ Bachok) yang bersiaran secara langsung di TV1 RTM dari Perkarangan Teniat UMK Bachok pada 20 Oktober 2024 (Ahad) jam 8.00 hingga 10.00 pagi.



ALUMNI UMK MENERIMA ANUGERAH PENCAPAIAN CEMERLANG (KATEGORI UNIVERSITI) SEMPENA PROGRAM MOHE-MDEC GLOBAL OUTSOURCING TALENT (GOT)

6 NOVEMBER 2024
PUTRAJAYA

Perasmian penutup program MoHE-MDEC Global Outsourcing Talent (GOT) telah diadakan di Hotel Zenith Putrajaya dan telah dihadiri oleh YBrs. Dr. Razman Hafifi bin Redzuan, Pengarah Pusat Pembangunan Kerjaya, Kaunseling dan Alumni (PKKA), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni). Beberapa anugerah telah disampaikan semasa majlis penutup program berkenaan dan salah seorang bakal graduan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) tahun 2024 iaitu Saudara Syed Azrul Hassani Bin Syed Asri telah memenangi Anugerah Pencapaian Cemerlang (Kategori Universiti).

Saudara Syed Azrul Hassani merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif dengan Kepujian, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW). Beliau telah menamatkan pengajian pada Oktober 2024 dan menunggu untuk bergraduat pada tahun ini. Beliau merupakan salah seorang anak didik Encik Mohammad Syukran Bin Kamal Ruzzaman, pensyarah di Jabatan Rekabentuk dan Teknologi Kreatif, FTKW.



Program MoHE-MDEC Global Outsourcing Talent (GOT) menawarkan latihan intensif selama 3 bulan untuk melengkapkan peserta dengan kemahiran digital untuk menjadi pekerja freelancer yang berdaya saing (model ekonomi perkongsian / gig).

Keutamaan di berikan kepada siswazah yang menunggu tawaran kerja; dan menerusi kemahiran yang diperolehi, mereka berupaya menjana pendapatan lumayan.



LET'S ENGAGE! WITH SME BANK – AN ENGAGEMENT SESSION WITH UMK ALUMNI

Dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK), SME Bank mempelawa Alumni UMK untuk menyertai program ini dan meneroka kepelbagaian penyelesaian pembiayaan dan seterusnya pembiayaan yang bertujuan untuk menyokong dan meningkatkan perniagaan alumni ke arah pertumbuhan dan kejayaan.



PMH



PUSAT PEMBANGUNAN MAHASISWA HOLISTIK DAN KEPIMPINAN PELAJAR

- Bahagian Mahasiswa Holistik
- Bahagian Kecemerlangan dan Kepimpinan Pelajar

PELAKSANAAN PROGRAM BAGI TAHUN 2024

SUKUAN 1

- EVA Christmas & New Year Celebration
- Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 23/24 UMK
- E-tournament Borneo-ML x PUBG
- Taklimat Akta 775 dan Pameran Kesejahteraan
- Sukaneka Landart Society
- Bengkel Pelan Hala Tuju Pusat Pembangunan Mahasiswa Holistik dan Kepimpinan Pelajar (PPMHKP)
- KPH Networking
- Program Penyerahan Kampung Angkat Universiti Malaysia Kelantan bersama Komuniti di Pos Blau, Gua Musang
- Perkhemahan Mencorak Minda Usahawan
- Program Pemerksaan Pembangunan Kendiri Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Serta Khidmat Komuniti Tahun 2024
- Bengkel Pemantapan Pemimpin Mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
- Program Intensif Debat Bahasa Arab
- PERMISWA Sport Fest
- Program Bubur Lambuk
- Berbuka Puasa Landart Society 2024

SUKUAN 2

- Bengkel Sistem Aktiviti Pelajar - Modul Kertas Kerja Kelab/Persatuan
- Program Sehari Seribu Kenangan
- Pertandingan Video Kreatif dan Sihat
- Bengkel Pilihanraya Kampus Universiti Awam
- Tourism Club Discovery
- Taklimat Dewan Persidangan Mahasiswa (DPM)
- Future Rising Star
- Pertandingan Catur
- Seri Raya SAP
- Raya Bersama PERSIP
- Program Uthavum Karangal 2.0
- Vetsport
- Meet & Greet EVA
- Jamuan Raya SAL
- Student Leadership Camp (SLC)
- Lawatan ke Pusat Konservasi Hidupan Luar (PKHL) & Pusat Menyelamat Hidupan Kebangsaan (NWRC) Sungkai, Perak
- Program PEWARIS Bakat Terbaik Negara KPT (PEWARIS - Tunas Karisma) Fasa 1
- Program Simpulan Kasih
- Program Teroka Inovasi
- Dewan Persidangan Mahasiswa (DPM)
- Bacaan Ikrar Belia Malaysia Sempena Sambutan Hari Belia Negara (HBN) 2024
- Program Nadi Ibtikar

103 PROGRAM

SUKUAN 3

- Ceramah Kebudayaan Chinese
 - Program PEWARIS Bakat Terbaik Negara KPT (PEWARIS - Tunas Karisma) Fasa 2
 - Majlis Perasmian Sambutan Hari Belia Negara (HBN) Peringkat Negeri Kelantan 2024
 - Program Fiqh Wanita
 - Bonding Day
 - UMK One Health,One Goal,One World,Zero Zoonoses
 - Lawatan Industri dan Eksplorasi
 - Kem Pemantapan RSY YADIM zon Timur
 - Talk Programmes
 - Sign Language
 - Lawatan Muhibah Ekuin (Ekuin UMK x Ekuin Unisza)
 - Leader Night Run
 - Program GenMADANI @ Bukit Bunga Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Bunga
 - Program PEWARIS Bakat Terbaik Negara KPT (PEWARIS - Tunas Karisma) Fasa 3
 - Loving is Caring
 - VETSA Dinner (VETNIGHT)
 - Program Kepimpinan
 - Program 'Bicara Santai Anak Muda Kelantan Bersama Setiausaha Politik YAB Menteri Kewangan'
 - Majlis Tilawah dan Menghafaz Al Quran Peringkat IPT 2024
 - Program Pembinaan Karakter GenMADANI KV SMT Peringkat KVPC Tahun 2024
 - Kem Latihan Kepimpinan
 - Kem Kaizen
 - Field Trip
 - Kejohanan Petanque Double Tertutup (L&P)
 - Kejohanan Tertutup Pencak Silat
 - Program Aviraa 1.0
-
- Sembang Santai Bersama Ikon Wanita Muda
 - Asia Youth International Model United Nation (AYIMUN)
 - Program Intervarsity Leadership Training Workshop 2024 (InValT)
 - Program Outreach KPT @ Kelantan (Gua Musang)
 - Program Pembangunan Sukan Silat
 - Program Pembinaan Bakat Siswa 2024
 - Program International Young Future Leaders Summit 2024 (IFUTURE 2024)
 - Program Himpunan Mahasiswa 2024
 - Kursus Kenegaraan Malaysia Madani UMK 2024
 - Kembara Merdeka Zon Utara 2024

103 PROGRAM

SUKUAN 4

- Persidangan ESG Global Young Leaders Summit 2024
- Program Japanese Carnival
- Global Students Leadership Summit (GSLs) 2024
- Malaysia - Nihon Fun Run 2024
- Program Pengantarabangsaan Pemimpin Pelajar Universiti (UMK) ke Turkiye
- IVSA @ Langkawi

- Bengkel Pemantapan Jawatankuasa Pilihanraya Kampus Universiti Awam
- Karnival Mahasiswa Holistik 2024
- Pink Walk 2024
- Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 24/25 UMK
- Jemputan MPPK ke Program Strategik Halatuju MPPK 2024
- Sesi Ramah Mesra Ahli Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) Bersama Timbalan Menteri Belia dan Sukan
- Program Kenduri Rakyat Bersama Dengan Komuniti di Kampung Angkat UMK, Pos Blau, Gua Musang, Kelantan
- Program Integrasi Nasional Mahasiswa Tahun 2024
- Bonding Kelab SAS
- "Program Pembangunan Sahsiah Madani Peringkat Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Bunga 2024 (CSR UMK)"
- "Program Membuat Kolam Sempena Perayaan Deepavali"
- Tiny Beginings
- Introduction to Nutrition
- Sesi Penyerahan Notis Advokasi Antigangguan Seksual Sempena Program Toleransi Sifar Keganasan @ Advokasi Antigangguan Seksual KPWKM Tahun 2024 Peringkat Zon Timur
- "Majlis Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar Sidang 2024/2025"
- The Journey as Diplomat
- Jelajah Siswa Pesta Konvokesyen Universiti Malaysia Kelantan kali Ke-14 (PESKOUMK'14)
- Ceramah Selami Hati Temui Diri
- Kursus Pemantapan Organisasi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2024/2025

103 PROGRAM

- Program Dhuha Run Permata UMK Sesi 2024/2025
- Program In Person With Doc Zam @ Lumut dan Majlis Pelancaran Inisiatif Siswa Aspirasi Rakyat Kementerian Pendidikan Tinggi
- Jelajah Ilmu Kepimpinan @ Japan 2024 Go Global
- Festival Idea Putrajaya Tahun 2024
- Smart Agriculture Introduction @ China






MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN SEKRETARIAT MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (PMPP) SESI 2023/2024

26-27 APRIL 2024.
UMK BACHOK

Universiti Malaysia Kelantan merekodkan 60% mahasiswa yang mengundi secara atas talian (e-voting) bagi Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2023/2024 yang berakhir tepat jam 5.00 petang.



Universiti Malaysia Kelantan merekodkan 60% mahasiswa yang mengundi secara atas talian (e-voting) bagi Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2023/2024 yang berakhir tepat jam 5.00 petang.



PERKAMPUNGAN ORANG ASLI POS BLAU DIPILIH KAMPUNG ANGKAT UMK

15 FEBRUARI 2024
POS BLAU, GUA MUSANG

Majlis Penyerahan Kampung Angkat, Pos Blau telah disempurnakan oleh YBhg. Prof Dato' Dr. Razli Che Razak, Naib Canselor UMK.

'Pos Blau dipilih sebagai Kampung Angkat UMK adalah untuk memastikan keterlihatan UMK di lokaliti setempat melalui penganjuran program- program', katanya.





MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN SEKRETARIAT MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (PMPP) SESI 2023/2024

1 MAC 2024
UMK KAMPUS KOTA

Pemeriksaan mahasiswa 2.0 Merupakan Platform yang terbaik kepada mahasiswa khususnya dalam meningkatkan keyakinan Diri dan meluaskan perkembangan dari segi Intelektual mahasiswa. Bengkel pemantapan Pemimpin mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan. Bengkel pemantapan pemimpin Mahasiswa umk yang telah disampaikan oleh ybrs. Encik Hirman bin awang @ semail, Pengarah bahagian hal ehwal pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi.



BENGGEL SISTEM AKTIVITI PELAJAR-MODUL KERTAS KERJA KELAB/PERSATUAN

15-16 APRIL 2024
UMK KAMPUS KOTA

Bengkel ini melibatkan 55 kelab/persatuan yang terdiri daripada Yang di-pertua dan Setiausaha. Tujuan bengkel ini diadakan bagi memberi pendedahan kepada kelab/persatuan berkenaan dengan penggunaan sistem kertas kerja dalam menjalankan program.

Turut hadir memberi ucapan ialah Dr. Noormariana, Pengarah Pusat Mahasiswa Holistik dan Kepimpinan Pelajar. Justeru itu, turut serta Pn. Noradilah wakil pihak CCI bagi menyelaras dan memberi penerangan berkenaan dengan sistem tersebut.



STUDENT LEADERSHIP CAMP (SLC) 2024

7-9 MEI 2024

SETIU

Pada 7-9 Mei 2024 telah diadakan Program Student Leadership Camp (SLC) bertempat di Peladang Agro Resort Setiu yang melibatkan seramai 147 mahasiswa/i Universiti Malaysia Kelantan yang terdiri daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Sekretariat PESKOUK'14 dan wakil kelab/persatuan universiti.

Terdapat pelbagai pengisian program atau aktiviti yang diadakan antaranya memberi pendedahan kepada mahasiswa/i tentang tatacara kewangan menganjurkan program kelab/persatuan di universiti. Justeru itu, aktiviti 'Night Walk' yang melihat kepada kerjasama dalam kumpulan.





DEWAN PERSIDANGAN MAHASISWA SIRI 1 (2023/2024)

11-12 MEI 2024
UMK KAMPUS KOTA

Dewan Persidangan Mahasiswa Siri 1 (2023/2024) Dewan persidangan mahasiswa (DPM) merupakan persidangan Pertama kali diadakan di universiti Malaysia kelantan (UMK) pada tahun 2024 yang melibatkan Majlis Perwakilan pelajar (MPP) sesi 23/24 dan wakil kelab/persatuan yang aktif dan berdaftar dengan Universiti.

Objektif persidangan ini adalah sebagai platform utama mahasiswa dalam menyuarakan pendapat dan idea berkenaan kebajikan dan pembanguana mahasiswa melalui usul yang dikemukakan dan soal jawab yang dibangkitkan dalam Dewan Persidangan Mahasiswa tersebut.



Seramai 60 orang mahasiswa terlibat dalam Persidangan Siri 1





PROGRAM PEMBINAAN KARAKTER GENMADANI PERINGKAT KVPC 2024

11-12 JUN 2024
PENGKALAN CHEPA

Kem Generasi MADANI (GenMADANI) yang dirangka dengan pelbagai pengisian termasuk kepimpinan, demokrasi dan patriotisme sekali gus mampu melahirkan pelajar berpotensi menjadi pelapis pimpinan negara pada masa hadapan. Seramai 20 orang pelajar Universiti Malaysia Kelantan dijemput untuk menjadi fasilitator kepada 200 orang pelajar Kolej Vokasional Pengkalan Chepa.



PROGRAM GENMADANI@BUKIT BUNGA

Kem Generasi MADANI (GenMADANI) yang dirangka dengan pelbagai pengisian termasuk kepimpinan, demokrasi dan patriotisme sekali gus mampu melahirkan pelajar berpotensi menjadi pelapis pimpinan negara pada masa hadapan.

Seramai 20 orang pelajar Universiti Malaysia Kelantan dijemput untuk menjadi fasilitator kepada 150 orang pelajar SMK Bukit Bunga.





PROGRAM OUTREACH KPT@KELANTAN (GUA MUSANG)


2 OGOS 2024
GUA MUSANG

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menganjurkan Program Outreach KPT @ Kelantan (Gua Musang) sebagai salah satu inisiatif perkongsian ilmu, aktiviti dan khidmat bakti antara mahasiswa IPT dengan masyarakat setempat. Program yang melibatkan 100 sukarelawan itu diadakan di Kampung Serian dan Kampung Limau Kasturi, Nengiri, Gua Musang, Kelantan.



PROGRAM INTERNATIONAL YOUNG SUMMIT LEADERS 2024 (IFUTURE)

16-17 OGOS 2024
KUALA LUMPUR



Program yang melibatkan lebih 1,000 pemimpin mahasiswa tempatan dan antarabangsa daripada 46 buah negara ini merupakan komitmen KPT dalam menyediakan wahana dan peluang kepada mahasiswa.



GLOBAL STUDENT LEADERSHIP SUMMIT (GSLs), ISTANBUL, TURKIYE

3-10 SEPTEMBER 2024
TURKIYE

Jelajah ini mendasari dua daripada tujuh Teras Universiti Malaysia Kelantan mengikut Pelan Strategik 2021-2025 iaitu Teras Ketiga Keunggulan Bakat dan Teras Kelima Kerelevanan Program Akademik dan Pengantarabangsaan.





PERSIDANGAN ESG GLOBAL YOUNG LEADERS SUMMIT 2024

25 OGOS 2024
TERENGGANU

ESG 2024 telah menjadi platform menghimpun dan menyatukan pemimpin muda Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dari dalam dan luar negara diharap mampu mewujudkan semangat keserakanan dalam berkongsi idea mengenai isu-isu kelestarian alam sekitar, pemanasan global, perubahan iklim, pencemaran serta kemerosotan sumber kepelbagaian bio demi kelestarian sejagat.



'CAK RAKYAT' BERSAMA KOMUNITI POS BLAU, GUA MUSANG

3 NOVEMBER 2024
POS BLAU, GUA MUSANG



Program ini merupakan program kesinambungan yang telah diadakan di Pos Blau pada bulan April lalu dimana Pos Blau merupakan Kampung Komuniti Angkat UMK. Hadir bersama YBhg. Dato' Prof. Naib Canselor dan YB Haji Mohd Syahbuddin bin Hashim, ADUN Galas, Gua Musang. Turut hadir adalah pengurusan universiti. Program kali ini telah memfokuskan kepada beberapa pengisian seperti aktiviti kecantikan, pertanian, kerohanian, sukaneka dan lain-lain. Hampir kesemua program ini telah dilaksanakan oleh mahasiswa yang hadir seramai hampir 70 orang. Semoga dengan adanya aktiviti ini mampu memberikan impak positif kepada masyarakat orang asli.



UMK LEADERSHIP EXCELLENCE GROWTH ACROSS CULTURES AND YOUTH 'L.E.G.A.C.Y' TO TURKIYE

22-30 SEPTEMBER 024
TURKIYE

Lawatan ini mendasari dua daripada tujuh Teras Universiti Malaysia Kelantan mengikut Pelan Strategik 2021-2025 iaitu Teras Ketiga Keunggulan Bakat dan Teras Kelima Kerelevanan Program Akademik dan Pengantarabangsaan.



PROGRAM SELANGKAH KE UNIVERSITI

10 OKTOBER 2024
MACHANG

Semarak Siswa Madani UMK ini melibatkan 154 orang pelajar Tingkatan 5 SMK Hamzah 2 yang bakal menduduki SPM pada tahun ini. Program dirasmikan oleh Ahli Lembaga Pengarah FELCRA Education Services, YBhg. Tn. Haji Hussin bin Aweng.



PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH MADANI-SMK BUKIT BUNGA

2024
SMK BUKIT BUNGA

Program yang diadakan selama 2 hari 1 malam ini dengan pelbagai pengisian termasuk kepimpinan, demokrasi dan patriotisme sekali gus mampu melahirkan pelajar berpotensi menjadi pelapis pimpinan negara pada masa hadapan. Seramai 20 orang pelajar Universiti Malaysia Kelantan dijemput untuk menjadi fasilitator kepada 150 orang pelajar SMK Bukit Bunga. Program dirasmikan oleh Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan, YBhg. Dato' Haji Mohd Adhan Bin Kechik.



KARNIVAL MAHASISWA HOLISTIK - KARMAH 2024

12 NOVEMBER 2024
UMK KAMPUS KOTA

Karnival Mahasiswa Holistik (KARMAH) yang diadakan adalah platform untuk mahasiswa untuk mencungkil bakat yang terpendam seperti dalam seni tarian, nyanyian dan sebagainya. KARMAH juga adalah karnival yang menghimpunkan semua kelab/persatuan mahasiswa dalam satu tempat bagi memudahkan mahasiswa mendapatkan maklumat berkaitan aktiviti yang dijalankan. Ia memudahkan mahasiswa terutama pelajar baharu untuk mendekati kelab yang sesuai dengan minat. Karnival ini juga telah diadakan di UMK Bachok dan Kampus Jeli sebelum ini.



MAJLIS PENYERAHAN AKAUN BANK (RHB) MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

23 DISEMBER 2024
UMK BACHOK

MPP UMK telah membuka akaun bank baharu selaras pindaan AUKU, bertujuan memperkasakan mahasiswa dalam pengurusan kewangan kelab dan persatuan.

KEBUDAYAAN



PUSAT KEBUDAYAAN

- Seksyen Pembangunan Kebudayaan dan Produksi Seni
- Seksyen Fasiliti Seni dan Kemudahan
- Seksyen Konsultasi Seni dan Perhubungan Luar

OBJEKTIF

- Merangka dan merancang serta mengurus aktiviti – aktiviti berbentuk kesenian dan kebudayaan di peringkat universiti dalam usaha untuk membudayakan seni budaya di kalangan pelajar dan staf UMK.
- Memperlengkapkan pelajar dengan kemahiran berbentuk kesenian dan kebudayaan ke arah memperkayakan kegiatan seni dan budaya dengan cara mengadakan kelas, kursus atau bengkel kebudayaan dan kesenian.
- Menyemai dan menanam sikap cintakan dan kebudayaan terhadap pelajar, selaras dengan objektif yang terkandung dalam Dasar Kebudayaan Negara.
- Memberi khidmat nasihat, melatih dan memberi pendedahan kepada pelajar dan staf UMK dalam pengurusan acara berbentuk kesenian dan kebudayaan di peringkat dalam dan luar Universiti.
- Mencungkil dan mengenegahkan bakat serta kebolehan pelajar dalam bidang kesenian dan kebudayaan.
- Mewujudkan satu konsep perpaduan yang memperkasakan hubungan antara kaum melalui program kesenian dan kebudayaan.

PERKHIDMATAN DI PUSAT KEBUDAYAAN

- 1 Kemudahan Fasiliti (Ruang Latihan)
- 2 Khidmat Jurulatih & Kepakaran
- 3 Persembahan Kebudayaan
- 4 Pengurusan Acara/Majlis
- 5 Pinjaman & Sewaan Peralatan
- 6 Pemilihan Bakat Pelajar/Staf



PELAKSANAAN PROGRAM BAGI TAHUN 2024

SUKUAN 1

- Malaysia Festival (Mfest) 2024 Di Sydney, Australia

SUKUAN 2

- Persembahan Kebudayaan Sempena Lawatan Hormat Pengarah Pengurusan Latihan (Ppl) Palapes Ke UMK
- Rakaman Tarian Mengadap Rebab Dan Tarian Asyik Sempena Program Travelog Seni Budaya Pusat Kebudayaan UPM
- Persembahan Kebudayaan Sempena My Career@UMK 2024
- Festival Puitika Mendayu Dalam Pantai Bisikan Bayu
- Persembahan Sempena Majlis Perasmian Dan Makan Malam Seminar Pengurusan Asrama (Spark) 2024
- Persembahan Kebudayaan Sempena Jom Masuk U Zon Timur 2024
- Majlis Anugerah Seni Makum 2022/2023
- Bengkel Zapin Sebat 2024
- Pertandingan Dikir Barat Karnival Pendidikan Digital Negeri Kelantan
- Persembahan Kebudayaan Sempena Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023

SUKUAN 3

- Pertandingan Dikir Barat Sempena Festival Warisan Pantai Timur 2024
- Pertandingan Lagu Patriotik & Ketuhanan Sempena Kelantan Art & Culture Festival 2024
- Persembahan Kebudayaan Sempena Festival Kesenian Rakyat Kelate 2024
- Fitness Fiesta Merdeka 2024
- International Dance Workshop For The Richness Of Pattani Cultural & Heritage Pattani Thailand
- Program Jiwa Merdeka 2024
- Pertandingan Lagu Cipta 1.0
- Festival Tari Malaysia Peringkat Zon Timur 2024

SUKUAN 4

- Bengkel Pemantapan Vokal "Power" Bersama Cikgu Siti Hajar 2024
- Pertandingan Bintang Asli Remaja Peringkat Negeri Kelantan 2024
- Pertandingan Dikir Derak Gegar Bersama Perfume Paradise
- Bengkel Pembuatan Aksesori Tarian 2024
- Pementasan Karya Sasterawan Negara Teater Eksperimental Tok Janggut
- Persembahan Dan Bual Bicara Kebudayaan Sempena Selamat Pagi Malaysia@UMK
- Pertandingan Akhir Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2024
- Bengkel Pengurusan Acara Dan Persembahan Kebudayaan 2024



PROGRAM MALAYSIA FESTIVAL 2024 (MFEST'24)

28 FEB - 5 MAC 2024
AUSTRALIA

Dua (2) orang pelajar dibawah seliaan Pusat Kebudayaan iaitu Khairunnisa Binti Mohd Sani, Pelajar Tahun 3 dan Wan Mohamad Shazwan Bin Wan Ahmad, Pelajar Tahun 2 dari Fakulti Perniagaan dan Keusahawanan telah dipilih untuk menyertai Program Malaysia Festival Sydney 2024 di Australia pada 28 Feb hingga 5 Mac 2024.



Program ini dibawah seliaan Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) dan Universiti Putra Malaysia. Antara universiti yang terlibat ialah UMK, UPM, UNIMAS, USM dan UIAM.



PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN SEMPENA LAWATAN HORMAT PENGARAH PENGURUSAN LATIHAN (PPL) PALAPES KE UMK

30 APRIL 2024
UMK BACHOK



Seramai 8 orang pelajar terlibat dengan persembahan sambutan sempena lawatan ini yang berlangsung di Perkarangan Bangunan Canselori dan Pusat Sukan. Program ini adalah anjuran Pusat Kokurikulum UMK.



RAKAMAN TARIAN MENGDAPA REBAB DAN TARIAN ASYIK SEMPENA PROGRAM TRAVELOG SENI BUDAYA PUSAT KEBUDAYAAN UPM

13 MEI 2024
TENIAT UMK BACHOK

Kunjungan daripada wakil UPM ke Pusat Kebudayaan UMK sempena Program Travelog Seni Budaya. Seramai 7 orang pelajar dari UMK Kampus Kota yang terlibat menjayakan sesi rakaman ini. Perkongsian ilmu Tarian Asyik & Tarian Mengadap Rebab direkodkan sebagai rujukan semua lapisan pelajar & masyarakat.



PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN SEMPENA MY CAREER@UMK 2024

14 - 15 MEI 2024
DEWAN KEUSAHAWANAN, UMK KAMPUS KOTA



Pesembahan nyanyian & persembahan tarian daripada pelajar dan staf sempena program My Career@UMK 2024 yang berlangsung selama 2 hari bertempat di Dewan Keusahawanan UMK Kampus Kota Pengkalan Chepa.

FESTIVAL PUITIKA MENDAYU DI PANTAI BISIKAN BAYU

17-18 MEI 2024
PANTAI BISIKAN BAYU

Program Festival Puitika Mendayu adalah usaha pemartaban sastera dan puisi yang menjambatani usaha penjagaan alam sekitar dalam negara yang kaya dengan alam semulajadi.

Pengisian aktiviti sepanjang program ini adalah sesuai dilakukan oleh semua lapisan masyarakat dan peringkat umur. Pelbagai aktiviti yang melibatkan pelajar UMK, pelajar sekolah dan komuniti setempat diadakan dan mendapat sambutan yang amat baik. Program ini merupakan kerjasama antara Pusat Kebudayaan dengan Meja Poedjangga untuk kali yang ke - 3 sejak 2022.





PERSEMBAHAN SEMPENA MAJLIS PERASMIAN DAN MAKAN MALAM SEMINAR PENGURUSAN ASRAMA (SPARK) 2024

20 MEI 2024
HOTEL H-ELITE, KOTA BHARU

Persembahan kebudayaan sempena Majlis Perasmian dan Majlis Makan Malam - Seminar Pengurusan Asrama (SPARK) 2024 Peringkat Kebangsaan anjuran Bahagian Penginapan Pelajar, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMK.



Persembahan tarian daripada Kelab Le'Waris



Persembahan nyanyian dari saudara Hisyam dan staf Pusat Kebudayaan





PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN SEMPENA JOM MASUK U ZON TIMUR 2024

25 MEI 2024
DEWAN TUANKU CANSELOR UMK BACHOK

Persembahan 'Live Band' dan Tarian Pembukaan sempena Program Jom Masuk U Zon Timur 2024. Seramai 10 orang pelajar yang terlibat dalam menjayakan persembahan ini.



MAJLIS ANUGERAH SENI MAKUM 2022/2023

5 JUN 2024
SERDANG

Pusat Kebudayaan UMK telah menerima beberapa anugerah dari Majlis Anugerah Seni MAKUM Sesi 2022/2023 adalah seperti berikut :

1. Muhammad Hisyam Bin Abdul Rahim, Pelajar Tahun 3 FTKW - Anugerah Kategori Bonang Emas Lelaki (Tokoh Budaya) - Johan
2. Khairunnisa Binti Mohd Ssani, Pelajar Tahun 3 FKP - Anugerah Kategori Bonang Emas Wanita
3. Kelab Lestari Warisan (Le'Waris) - Anugerah Emas Kategori Gambang Mustika
4. Cik Raja Fadhilah Binti Raja Ahmad & Pn. Noor Amiera Saila Binti Ramlee - Anugerah Kategori Gendang Sari.
5. UMK - Anugerah Perak bagi Kategori Universiti Awam

BENKEL ZAPIN SEBAT 2024

19-23 JUN 2024
UNIMAS



Unit Kebudayaan UNIMAS telah menganjurkan Bengkel Zapin Sebat Sarawak yang telah diadakan di Dewan Kristal, Pusat Khidmat Pelajar, UNIMAS. Bengkel selama 5 hari ini merupakan satu inisiatif yang sangat bertepatan untuk memelihara dan memulihara seni warisan budaya kita yang amat bernilai.



PERTANDINGAN DIKIR BARAT KARNIVAL PENDIDIKAN DIGITAL NEGERI KELANTAN

25 JUN 2025
PENGKALAN CHEPA

TAHNIAH diucapkan kepada Kumpulan Warisan Indra Sukma daripada Kelab Lestari Warisan (Le'Waris) UMK Bachok kerana telah dinobatkan sebagai JUARA dalam Pertandingan Dikir Barat anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPN) 2024 yang berlangsung dengan jayanya pada hari ini bertempat di Dewan Besar Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan, Pengkalan Chepa.



PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN SEMPENA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023

30 APRIL 2024
UMK BACHOK



Seramai 18 orang pelajar dari UMK Bachok telah mengadakan persembahan 'Live Band' dan tarian sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UMK 2023.



PERTANDINGAN DIKIR BARAT SEMPENA FESTIVAL WARISAN PANTAI TIMUR 2024

6 JULAI 2024
DEWAN TUANKU SYED PUTRA, USM PULAU PINANG

Pasukan Dikir Barat Warisan Indera Sukma UMK di bawah seliaan Pusat Kebudayaan telah mendapat JUARA dalam Pertandingan Dikir Barat sempena Festival Warisan Pantai Timur (FESWA) 2024 di USM Pulau Pinang.

Kumpulan ini berjaya merangkul gelaran juara sekaligus membawa pulang hadiah kemenangan berupa wang tunai sebanyak RM2,700.00 beserta trofi dan sijil penyertaan.

Selain itu juga pasukan ini turut membawa pulang dua anugerah sampingan iaitu dalam kategori Pemuzik Terbaik dengan membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM400.00, trofi dan sijil penyertaan manakala anugerah Tok Jogho Terbaik membawa pulang wang tunai sebanyak RM200.00 beserta trofi dan sijil penyertaan.



- 1 JOHAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)
 - 2 NAIB JOHAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)
 - 3 KETIGA UNIVERSITI MALAYA (UM)
- TOK JOGHO TERBAIK : UMK
PEMUZIK TERBAIK : UMK

PERTANDINGAN LAGU PATRIOTIK & KETUHANAN SEMPENA KELANTAN ART & CULTURE FESTIVAL 2024

28 JULAI 2024

Muhammad Khuzaimi Bin Zamuri telah meraih gelaran Juara bagi Pertandingan Lagu Patriotik & Ketuhanan Kelantan Art & Culture Festival 2024 Peringkat Negeri Kelantan.



PERTANDINGAN LAGU CIPTA 1.0

2 OGOS 2024
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMK di wakili oleh 2 orang pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisana (FTKW) iaitu Saudara Muhammad Hisyam Bin Abdul Rahim, pelajar tahun 4 dan Saudara Mohamad Noor Tahir Bin Khairu Salleh, pelajar tahun 3. Pencapaian ini adalah satu kebanggaan buat seluruh warga UMK.



Pertandingan Lagu Cipta 1.0 kerana telah berjaya merangkul kemenangan dalam 3 kategori iaitu :

1. Best Lyrics
2. Best Performance
3. Top 10 Consolation

PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN SEMPENA FESTIVAL KESENIAN RAKYAT KELATE 2024

3 OGOS 2024
PANTAI IRAMA BACHOK



Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian, Budaya dan Warisan Kelantan.



Seramai 6 pelajar Kelab Lestari Warisan dan 1 staf Pusat Kebudayaan mengadakan persembahan sempena Festival Kesenian Rakyat Kelantan (FKRK) 2024.

FITNESS FIESTA MERDEKA 2024

24 OGOS 2024
DEWAN KEUSAHAWANAN, UMK KAMPUS KOTA



Lebih 150 orang peserta telah menyertai program Fitness Fiesta Merdeka anjuran Pusat Kebudayaan UMK



INTERNATIONAL DANCE WORKSHOP FOR THE RICHNESS OF PATTANI CULTURAL & HERITAGE PATTANI THAILAND

24-26 OGOS 2024
PATTANI, THAILAND

Pusat Kebudayaan telah menerima jemputan dari Prince of Songkla University (PSU) Kampus Pattani untuk mengadakan bengkel, seminar dan persembahan sempena Mini Seminar Warisan Budaya dengan tema *'Living The Richness of Pattani Heritage'*. Bengkel tarian melibatkan Malaysia, Indonesia dan Thailand. Manakala seminar terdiri daripada 4 negara Thailand, Malaysia, Indonesia dan China. Pembentang setiap negara membentangkan mengenai kepelbagaian seni dan budaya antaranya tarian, senibina, tekstil dan arkeologi.

Program ini dirasmikan oleh Penasihat Menteri Kebudayaan, Dr Phetdao Tohmina. Lawatan budaya ke Yarang Ancient City, perusahaan buah kranji dan tempat pembuatan kain tenun turut diadakan bagi mengenali dengan lebih dekat sejarah, budaya dan keusahawanan di Pattani, Thailand.



Seramai 28 orang peserta daripada ketiga- tiga kampus telah menyertai pertandingan kali ini.

PROGRAM JIWA MERDEKA 2024

11 SEPTEMBER 2024
LAMAN SAADONG, UMK BACHOK

Program UMK Jiwa Merdeka merupakan anjuran Pusat Kebudayaan dengan kerjasama Sekretariat Rukun Negara (SRN). Pengisian program ini terdiri daripada kategori pertandingan iaitu mencipta poster digital, Nyanyian Lagu Patriotik & Deklamasi Sajak

FESTIVAL TARI MALAYSIA PERINGKAT ZON TIMUR 2024

28 SEPTEMBER 2024
MEGAMALL KUANTAN PAHANG



Kumpulan Le'Waris Pusat Kebudayaan UMK berjaya melakar gelaran Juara Festival Tari Malaysia Zon Timur 2024 yang berlangsung di Berjaya MegaMall Kuantan Pahang pada 28 September 2024.



JUARA

FTM Zon Timur
2024



Kareografi
Rampaian
Terbaik



Busana
Rampaian
Terbaik

Antara Anugerah yang diperolehi

BENKEL PEMANTAPAN VOKAL "POWER" BERSAMA CIKGU SITI HAJAR 2024

16 OKTOBER 2024
UMK BACHOK

Penganjuran bengkel ini adalah untuk mengangkat dan mengembangkan bakat-bakat seni terutamanya dalam seni vokal dengan mempelajari teknik yang betul dalam penggunaan vokal dalam bidang pengacaraan dan nyanyian bagi majlis-majlis rasmi Universiti, Jabatan dan Agensi Luar. Melalui bengkel ini juga dapat memberikan ilmu dan pengalaman kepada peserta yang terlibat dengan perkongsian maklumat oleh Penceramah Jemputan yang profesional dan berpengalaman di dalam bidang vokal (pengacaraan dan nyanyian). Selain itu, program ini dapat menjadi nilai tambah kepada pelajar serta membina keyakinan diri dalam kalangan pelajar untuk berani dan yakin berdiri di hadapan khalayak ramai serta meningkatkan kemahiran Insaniah.



PERTANDINGAN BINTANG ASLI REMAJA PERINGKAT NEGERI KELANTAN 2024

1 OKTOBER 2024
JKKN KELANTAN

Muhammad Farhan Bin Wan Mohd Nor (Pelajar Tahun 1 UMK Kampus Jeli) telah menjadi Johan dalam Pertandingan Bintang Asli Remaja 2024 Peringkat Negeri Kelantan (kategori lelaki) dan seterusnya akan mewakili Negeri Kelantan/UMK ke peringkat kebangsaan pada November 2024 nanti.



PERTANDINGAN DIKIR DERAK GEGAR BERSAMA PERFUME PARADISE

22 OKTOBER 2024
DEWAN TUANKU CANSELOR UMK BACHOK

Seramai 4 kumpulan telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut antaranya adalah :

- Kumpulan Gembalan Jentayu (Juara)
- Kumpulan Sri Arjuna UiTM Machang (Tempat Ketiga)
- Kumpulan Pendikir Kobena (Tempat Keempat)



Kumpulan Warisan Indera Sukma UMK atas kemenangan meraih gelaran Naib Juara dalam pertandingan dikir barat - Derak Dikir THR Gegar

Kategori Tok Johro Terbaik

- Kumpulan Gembalan Jentayu

Kategori Tukang Karut Terbaik

- Kumpulan Warisan Indera Sukma UMK

BENKEL PEMBUATAN AKSESORI TARIAN 2024

26 OKTOBER 2024
STUDIO KEBUDAYAAN UMK

Penganjuran bengkel ini bertujuan :

- Mengangkat dan mengembangkan seni pembuatan peralatan kebudayaan.
- Memberi kedudukan yang berbeza kepada Universiti yang mempunyai keunikana tersendiri melalui interkasi seni dan budaya.
- Mendedahkan para peserta tentang teknik-teknik yang betul dalam menghasilkan kerja tangan (aksesori) (digunakan dalam persembahan).
- Dapat digunakan di dalam persembahan kebudayaan dan ketika majlis yang bersesuaian.
- Boleh mengurangkan kos pembelian aksesori tarian.
- Dapat mengeratkan hubungan dikalangan pelajar di ketiga-tiga kampus.



PEMENTASAN KARYA SASTERAWAN NEGARA TEATER EKSPERIMENTAL TOK JANGGUT

30 OKTOBER 2024
DEWAN TUANKU CANSELOR, UMK BACHOK

Pementasan Teater ini adalah kerjasama bersama Dewan Bahasa dan Pustaka telah dianjurkan bagi mengangkat Karya Agung Sasterawan Negara S. Othman yang memaparkan kisah perjuangan pahlawan negara Tok Janggut. Garapan cerita dan sinografi yang dipentaskan disaksikan hampir 2000 orang penonton dan mendapat sambutan yang amat luar biasa dari rakyat negeri Kelantan.



Pementasan ini sesuai disaksikan oleh semua lapisan masyarakat dan peringkat umur dan pelakon-pelakon dan ahli produksi yang terlibat adalah di kalangan aktivis teater negeri Kelantan, pelajar Universiti Malaysia Kelantan, Institut Pendidikan Guru Kota Bharu dan Kolej Komuniti Pasir Mas.



PERSEMBAHAN DAN BUAL BICARA KEBUDAYAAN SEMPENA SELAMAT PAGI MALAYSIA@UMK

20 OKTOBER 2024
TENIAT UMK BACHOK

RTM akan menampilkan beberapa slot khas dari kalangan warga UMK antaranya ;


1. Persembahan Tarian oleh Kumpulan Le'Waris Pelajar UMK
2. Temubual Tarian Tradisional bersama En Wan Mohd Arizuddin Bin Wan Mohd Nor, Pegawai Kebudayaan
3. Borak Santai Selebriti bersama Muhamad Hisyam Ab Rahim, Juara Bintang Klasik RTM/Pelajar UMK



BENGGEL PENGURUSAN ACARA DAN PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN 2024

Bengkel ini bagi memberi ilmu pengetahuan dan memantapkan kemahiran pelajar dalam pengurusan acara dan persembahan kebudayaan di peringkat dalaman dan luar universiti. Tatacara pengurusan acara dan persembahan kebudayaan ini perlu difahami oleh semua pelajar Le'Waris yang terlibat secara aktif di ketiga-tiga kampus bagi mengendalikan majlis dengan baik.

Bengkel ini dilaksanakan bagi mencari bakat-bakat baharu di dalam bidang pengurusan acara di UMK serta membuka ruang kepada pelajar untuk sama-sama mempelajari prosedur, struktur dan pemilihan persembahan yang betul sebelum, semasa dan selepas acara.





PUSAT KO-K

PUSAT KOKURIKULUM

- Seksyen Kokurikulum Berkredit
- Seksyen Badan Beruniform

PELAKSANAAN PROGRAM BAGI TAHUN 2024

SUKUAN 1

- Penyerahan Siap Kerja Bagi Ubah Suai Stor Senjata
- Program Projek Akhir Kelas Kokurikulum Berkredit Semester September 2023/2024
- Upacara Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan Tldm Dan Psstldm
- Kursus Wajib Kor Suksis

SUKUAN 2

- Kursus Wajib Kor Sispa UMK
- Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) Dan Pameran Keselamatan Kebangsaan Asia 2024
- Program Corporate Social Responsibility (CSR) Siskor Umk
- Mesyuarat Penyelarasan Majlis Pentauliahan Siswa Siswi Koreksional (SISKOR) Peringkat Kebangsaan Bersama Pihak Penjara Malaysia, Pegawai Kehormat Ipta Dan Penjara Mentor
- Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) Dan Pameran Keselamatan Kebangsaan Asia 2024
- Mesyuarat Majlis Sukan Negara (MSN) Bersama Badan Beruniform Pusat Kokurikulum
- Lawatan Kesatria Uitm Machang Ke Pusat Kokurikulum Dan Badan Beruniform Umk
- Majlis Perasmian Sambutan Hari Belia Negara (HBN) Peringkat Negeri Kelantan
- Kejohanan Ping Pong Berpasukan Liga Sukan Komuniti Daerah Kota Bharu
- Kejohanan 19th Sara Taekwondo Championship 2024 Collaboration With UMK
- Program Projek Akhir Kelas Kokurikulum Berkredit Semester Februari 2023/2024
- Perhimpunan Pagi Badan Beruniform Bersama Komandan
- Majlis Makan Malam Badan Beruniform Dan Apresiasi Fasilitator Pusat Kokurikulum UMK 2024

SUKUAN 3

- Bengkel Training Of Trainers (TOT) Fasilitator Kursus Kokurikulum Berkredit

SUKUAN 4

- Taklimat Kokurikulum Berkredit Dan Badan Beruniform, Pusat Kokurikulum Sempena 3M 2024
- Perbarisan Ulung Komandan Badan Beruniform Umk Tahun 2024
- Taklimat Penyelarasan Pelaksanaan Program Students For Society (S4s) Kpt
- Program Meet And Greet Petronas Malaysia Grand Prix 2024 Di Petronas Sepang International Circuit (Psic)
- Kejohanan Ping Pong Penjara Malaysia Tahun 2024
- Kejohanan Para Ping Pong Sirkit 2 Peringkat Kebangsaan Tahun 2024
- Badan Beruniform Pusat Kokurikulum Di Hepa Open Day 2024
- Penglibatan Badan Beruniform, Pusat Kokurikulum Di Program Skuad Ihsan Madani Kpt

26 PROGRAM

26 PROGRAM



PENYERAHAN SIAP KERJA BAGI UBAH SUAI STOR SENJATA

8 JANUARI 2024
STOR SENJATA, UMK BACHOK

Penyerahan Siap Kerja bagi Ubah Suai Stor Senjata oleh pihak 3PI kepada Pusat Kokurikulum di Stor Senjata UMK Bachok telah diadakan pada 08 Januari 2024.

Kerja-kerja ubah suai bermula pada 01 November 2023 sehingga 04 Januari 2024 di bawah seliaan 3PI UMK. Jangkaan senjata akan disimpan dalam Stor Senjata adalah pada tahun 2025 nanti.

Turut hadir bersama YDH Mejar Mohammad Redzha bin Mashor, Ketua Jurulatih PALAPES Darat dan anggota lain-lain pangkat PALAPES Darat UMK.



Sesi penyerahan dihadiri oleh YBrs. Dr. Syarizal bin Abdul Rahim, Pengarah Pusat Kokurikulum, Pegawai dan staf 3PI.

PROGRAM PROJEK AKHIR KELAS KOKURIKULUM BERKREDIT SEMESTER SEPTEMBER 2023/2024

Penganjuran Projek Akhir Kelas Kokurikulum Berkredit bagi Semester September 2023/2024 telah berlangsung dengan jayanya bermula pada 19 Disember 2023 sehingga 19 Januari 2024. Penganjuran ini dilakukan di venue dan kampus masing-masing.

OBJEKTIF

- Menerapkan kemahiran insaniah di kalangan pelajar UMK
- Menyuburkan potensi diri pelajar sama ada dari aspek kognitif, afektif dan psikomotor
- Menjadikan kursus kokurikulum berkredit sebagai satu kaedah untuk pelajar berinteraksi dan integrasi antara etnik
- Menerapkan budaya dan gaya hidup sihat



Antara Program Projek Akhir Kelas Kokurikulum Berkredit Semester September 2023/2024

UPACARA PEMAKAIAN PANGKAT PEGAWAI KANAN TLDM DAN PSSTLDM

29 JANUARI 2024
KUALA LUMPUR

Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob telah menyempurnakan Upacara Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan TLDM dan PSSTLDM di Auditorium Wisma Pertahanan, hari ini. Upacara pemakaian pangkat tersebut telah didahului oleh Inspektor Jeneral TLDM, Laksamana Pertama Abdullah Sani bin Ismail yang dinaikkan ke pangkat Laksamana Muda mulai 29 Jan 24.

Komander Mohd Syahir bin Elias TLDM, Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Khas Tim Projek Pelantar Benua dan Komander Kamal Rul Azrul bin Kamal TLDM, Pegawai Staf 1 Operasi Bahagian Operasi dan Strategi masing-masing dinaikkan ke pangkat Pemangku Kepten TLDM.

Turut diadakan pemakaian pangkat Komander Kehormat PSSTLDM kepada Profesor Dr Mohammad bin Ismail, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Malaysia Kelantan

dan Profesor Dr Ahmad Martadha bin Mohamed, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Utara Malaysia.



Pemakaian Pangkat Komander (Kehormat) PSSTLDM yang disempurnakan oleh Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob, Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)

KURSUS WAJIB KOR SUKSIS

KURSUS T-BATON



Kursus T-Baton Kor SUKSIS UMK ini diadakan di PSP Wakaf Tapai Terengganu pada 25 hingga 30 Februari 2024 dengan kekuatan seramai 60 Orang Pelatih. Kursus ini bertujuan meningkatkan kekuatan mental Dan fizikal Pelatih sebelum ditauliahkan

Kursus Pengurusan Etika Dan Integriti Kor SUKSIS UMK telah pada 25 hingga 30 Februari 2024 bertempat di PSP Wakaf Tapai, Terengganu.

Seramai 85 orang Pelatih terlibat dalam Kursus kali ini. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan awal kepada Pelatih tentang Etika Dan Pengurusan Integriti dalam PDRM kepada Pelatih baharu Kor SUKSIS UMK

KURSUS PENGURUSAN ETIKA DAN INTEGRITI



KURSUS ASAS PERTOLONGAN CEMAS (KAPC) 2024



Kursus Asas Pertolongan Cemas (KAPC) 2024 telah diadakan pada 25 hingga 30 Februari 2024 bertempat di PSP, Wakaf Tapai Terengganu. Seramai 80 orang Pelatih terlibat dalam menjayakan Kursus berkenaan.

Kursus ini bertujuan memberi didikan kepada Pelatih berkaitan pertolongan Cemas sekiranya berlaku sebarang kecemasan dan perkara yang tidak diingini berlaku. Silibus dalam Kursus ini, memberikan rawatan awal Dan kecemasan sebelum menunggu mangsa ke Hospital



MESYUARAT PENYELARASAN MAJLIS PENTAULIAHAN SISWA SISWI KOREKSIONAL (SISKOR) PERINGKAT KEBANGSAAN BERSAMA PIHAK PENJARA MALAYSIA, PEGAWAI KEHORMAT IPTA DAN PENJARA MENTOR

Mesyuarat Penyelarasan Majlis Pentauliahahan Siswa Siswi Koreksional (SISKOR) Peringkat kebangsaan bersama Pihak Penjara Malaysia, Pegawai Kehormat IPTA Dan Penjara Mentor telah diadakan pada 25 April 2024.

Sebanyak lima (5) buah Universiti yang akan terlibat dengan Majlis Pentauliahahan SISKOR pada tahun ini dengan cadangan Universiti Utara Malaysia sebagai Tuan rumah bagi Majlis Pentauliahahan pada tahun 2024.

PROGRAM CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) SISKOR UMK

18 MEI 2024
BACHOK

Satu Program Corporate Social Responsibility (CSR) SISKOR UMK telah diadakan pada 18 mei 2024 bertempat di Masjid Muhammadi Bachok Dan Pusat Perantara Bachok.



85

PELATIH

10

JURULATIH PENGIRING

TUJUAN

- Salah satu inisiatif dalam mendekatkan diri Pelajar dengan khidmat Komuniti setempat
- Pelajar dapat diberikan pendedahan yang lebih mendalam berkaitan aktiviti kebajikan yang boleh dilaksanakan
- Mengeratkan lagi hubungan diantara Pihak UMK bersama pihak Penjara Negeri Kelantan

KURSUS WAJIB KOR SISPA UMK

KURSUS METODOLOGI ANGGOTA KOR SISPA UMK



Kursus Metodologi Anggota Kor SISPA UMK telah diadakan pada 22 Februari hingga 27 Februari 2024 bertempat di UMK Bachok. Seramai 50 orang Pelatih dan 7 orang Jurulatih yang terlibat.

Tujuan Kursus ini dalam memberi pendedahan kepada Pelajar Kor SISPA UMK teknik kaedah pengajaran dan pembelajaran yang terbaik sebelum menjadi seorang Pegawai.

Kursus Pusat Pemindahan Anggota Kor SISPA telah diadakan pada 01 Mac hingga 05 Mac 2024. Seramai 50 Anggota dan 4 orang Jurulatih terlibat dalam Kursus kali ini.

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan dan pendidikan awak kepada Anggota Kor SISPA dalam mengendalikan pusat Pemindahan sekiranya berlaku sebarang bencana yang tidak diingini seperti bencana banjir dan sebagainya.

KURSUS PUSAT PEMINDAHAN ANGGOTA KOR SISPA



KURSUS FIRST RESPONDER LIFE SUPPORT (FRLS) ANGGOTA KOR SISPA UMK



Kursus First Responder Life Support (FRLS) Anggota Kor SISPA UMK telah diadakan 24 April 2024 hingga 28 April 2024.

Seramai 50 Anggota dan 4 Jurulatih terlibat dalam kursus wajib ke-3 ini. Kursus ini bertujuan memberi pendidikan awal kepada Anggota Kor SISPA dalam aktiviti menyelamatkan dan memberikan pertolongan awal sekiranya berlaku sebarang kecemasan seperti kemalangan dan sebagainya serta dapat memberikan rawatan segera kepada mangsa.

KURSUS BAKAL PEGAWAI TAULIAH KOR SISPA



Kursus Terakhir, Kursus Bakal Pegawai Tauliah Kor SISPA telah diadakan pada 01 hingga 05 Mei 2024. Bertempat di UMK Bachok dengan kekuatan seramai 50 orang Pelatih dan 5 orang Jurulatih dari Pusat Latihan Pertahanan Awam Wilayah Timur (PULAPAT) Jengka Pahang.

Kursus ini lebih kepada mendidik Anggota dalam menjadi seorang Pegawai yang betintegriti, berdisiplin, dan tegas dalam melaksanakan sebarang tugas yang diberikan. Aspek kekuatan fizikal Dan mental juga antara yang ditekankan dalam Kursus tersebut.

PAMERAN PERKHIDMATAN PERTAHANAN ASIA (DSA) DAN PAMERAN KESELAMATAN KEBANGSAAN ASIA 2024

7-9 MEI 2024
KUALA LUMPUR

Pusat Kokurikulum, Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA) bersama 09 orang kadet daripada 3 Badan Beruniform iaitu PALAPES Darat, PALAPES Laut dan Kor SUKSIS menyertai Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia dan Pameran Keselamatan Kebangsaan Asia 2024 atau lebih dikenali Defence Services Asia (DSA) 2024 dan National Security (NATSEC) Asia 2024 bermula 07-09 Mei 2024 dengan penyertaan oleh 1,324 syarikat yang mewakili 60 negara terlibat sebagai pendedahan berkaitan sistem pertahanan dan keselamatan di seluruh dunia.



MESYUARAT MAJLIS SUKAN NEGARA (MSN) BERSAMA BADAN BERUNIFORM PUSAT KOKURIKULUM

8 MEI 2024
KUALA LUMPUR

Pusat Kokurikulum, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni) dengan kerjasama Majlis Sukan Negara (MSN) telah mengadakan Mesyuarat 2 hala bagi membincangkan berkaitan Kejohanan Ping Pong Para Sirkuit Kebangsaan tahun 2024 bagi penglibatan sukarelawan daripada Universiti Malaysia Kelantan.



LAWATAN KESATRIA UITM MACHANG KE PUSAT KOKURIKULUM DAN BADAN BERUNIFORM UMK

Pusat Kokurikulum, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni) menerima Lawatan daripada Kesatria UiTM Machang seramai 16 orang termasuk Pegawai Pengiring di Padang Kawad UMK Bachok.

Tujuan lawatan adalah untuk pertukaran idea, tambahbaik tadbir urus badan beruniform di UiTM dan jaringan kerjasama masa depan.

12 MEI 2024

PERJUMPAAN BERSAMA KETUA JAWATANKUASA SEMINAR PENGURUSAN ASRAMA PERINGKAT KEBANGSAAN (SPARK) 2024 DI LAMAN SISWA, UMK KAMPUS KOTA



14 MEI 2024

MESYUARAT PENYELARASAN SEMINAR PENGURUSAN ASRAMA PERINGKAT KEBANGSAAN (SPARK) 2024 BIL.3/2024 (KALI KE-4) DAN MAJLIS SOLAT HAJAT DI KOLEJ KEDIAMAN WISMA ATIRA, UMK BACHOK





Majlis Solat Hajat

16 MEI 2024

MESYUARAT PENYELARASAN BAHAGIAN PENGINAPAN PELAJAR BAGI SEMINAR PENGURUSAN ASRAMA PERINGKAT KEBANGSAAN (SPARK) 2024



20-21 MEI 2024

SEMINAR PENGURUSAN ASRAMA PERINGKAT KEBANGSAAN (SPARK) 2024 DI H ELITE DESIGN HOTEL, KOTA BHARU KELANTAN



Majlis Perasmian SPARK 2024





Sesi Ucaptama SPARK 2024



Sesi Forum



30 JUN 2024

MESYUARAT POST MORTEM DAN MAJLIS MAKAN TENGAH HARI BAGI SEMINAR PENGURUSAN ASRAMA PERINGKAT KEBANGSAAN (SPARK 2024) DI H ELITE DESIGN HOTEL



3 JULAI 2024

MESYUARAT PENGURUSAN BPP BIL.2/2024 DI STUDENT LOUNGE



7-8 JULAI 2024

PENDAFTARAN KELUAR KOLEJ KEDIAMAN BAGI SEMESTER FEBRUARI SESI 2023/2024



29 JULAI 2024

PERBINCANGAN PELARASAN KEMASUKAN PELAJAR BAHARU SESI SEPTEMBER 2024/2025



6 OGOS 2024

PERBINCANGAN PELARASAN BENGKEL POST MORTEM SPARK 2024



20 OGOS 2024

PERBINCANGAN BERKENAAN PENYELENGGARAAN KEROSAKAN KOLEJ KEDIAMAN DI BILIK MESYUARAT ATRIUM, UMK BACHOK



Melibatkan staf kolej kediaman dan Pusat Pembinaan dan Pengurusan Infrastruktur (3PI) bagi membuat pelarasan pembaikan kerosakan di kolej kediaman.

29-30 OGOS 2024

BENGKEL POST MORTEM SEMINAR PENGURUSAN ASRAMA PERINGKAT KEBANGSAAN (SPARK) 2024 DI COPTHORNE HOTEL CAMERON HIGHLAND



Bagi penyediaan laporan lengkap SPARK 2024 dan menghargai sumbangan yang telah diberikan oleh semua Ahli Jawatankuasa



18 SEPTEMBER 2024

MESYUARAT PENGURUSAN BPP BIL.3/2024



1 OKTOBER 2024

PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU BAGI KEMASUKAN SEMESTER SEPTEMBER SESI 2024/2025



Kampus Kota



Kampus Jeli



UMK Bachok (IBS)



Wisma Atira




LAWATAN AUDIT KUALITI DALAMAN (AKD)



Lawatan ini diadakan secara fizikal di Bilik Mesyuarat Pusat Kokurikulum, UMK Kampus Kota yang bertujuan untuk mengemaskini dan semakan semula dokumentasi berkaitan ISO.



Penghantaran pelajar pulang Saudari Nur Aisyah Antiya Humaira bt Dahalan ke Sungkai Perak



Melawat pelajar FHPK kemalangan, Saudari Siti Shahira Azlyn Bt Shamsul di HRPZ



Penghantaran pelajar sakit ke hospital Saudari Nur Sakinah Bt Ismail, mental Health Disorder




BKTP

BAHAGIAN KEBAJIKAN & TATATERTIB PELAJAR

- Seksyen Kebajikan dan Perkhidmatan OKU
- Seksyen Tajaan dan Tatatertib

SENARAI SUMBANGAN TAHUN 2024



- Sumbangan Sijil Premium kepada Para Pelajar Asnaf/B40 Universiti Malaysia Kelantan
- Sumbangan Care4U
- Bantuan Komputer Riba kepada Mahasiswa UMK oleh Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan
- Bantuan SDEP Yayasan Pelajaran Mara
- Bantuan Pendidikan YAPEIM Kepada Pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
- Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin Kepada Pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
- Sumbangan oleh Yayasan Sabah
- Bantuan Prihatin Kluster B40 daripada Yayasan Pahang
- Sumbangan BANK ISLAM untuk Program SULUNG
- Penerimaan sumbangan daripada MUIS untuk Program SULUNG
- Penerimaan dan penyaluran sumbangan daripada YPM di bawah tajaan Maybank
- Penerimaan dan penyaluran sumbangan daripada YPM di bawah tajaan Equinas
- Sumbangan Bencana Banjir (KPDN)
- Sumbangan Khas Bencana Banjir (PTPTN)
- Sumbangan Khas Bencana Banjir (KPT)
- Sumbangan Hari Raya kepada Pelajar OKU daripada STMB



STATISTIK BANTUAN FOODBANK

SUMBER
TAJAJAN 2023/2024




RM 50,000.00

TABUNG AMANAH KEBAJIKAN DAN
KECEMASAN PELAJAR (TAKKP)


RM 50,000.00

STATISTIK PENERIMA FOODBANK



STATISTIK BANTUAN KOMPUTER RIBA

STATISTIK SUMBANGAN KOMPUTER RIBA



2023

- 20 unit sumbangan HEPA
- 19 unit sumbangan Majlis Agama Islam Johor

JUMLAH SUMBANGAN : 39 UNIT

RM 97,000.00


2024

- 9 unit sumbangan HEPA
- 35 unit sumbangan Majlis Yayasan Taqwa MAIWP

JUMLAH SUMBANGAN : 44 UNIT

RM 136,125.00

STATISTIK KEMATIAN & KEMALANGAN



Kematian (Kemalangan)	1	2
Kematian (Penyakit)	0	1
Kemalangan (Jalan Raya/Kecederaan)	17	29
Kemalangan (Lain-lain)	0	0
JUMLAH KESELURUHAN	18	32
JUMLAH SUMBANGAN	RM 46,550.00	RM 56,800.00

STATISTIK PELAJAR KEMATIAN & KEMALANGAN MENIKUT KAMPUS TAHUN 2024



PROGRAM PEMBANGUNAN SISWA SULUNG 2.0


Program Pembangunan Siswa SULUNG 2.0 merupakan salah satu (1) inisiatif KPT untuk meningkatkan mobiliti sosial serta taraf dan kualiti hidup pelajar (generasi/individu pertama dalam keluarga yang berjaya melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi) dalam kategori Asnaf/ B40 ke tahap yang lebih baik melalui pembiayaan yuran pengajian (kecuali yuran penginapan).

Penerima inisiatif ini merupakan generasi/individu pertama dalam ahli keluarga yang ditawarkan yuran khusus secara percuma bagi meringankan beban mahasiswa/siswi yang terpilih. Selain itu, pemilihan mahasiswa/siswi untuk inisiatif ini adalah berdasarkan PNGK sekurang-kurangnya 3.0 ke atas dan pendapatan isi rumah dalam kategori Asnaf/B40.

Inisiatif ini juga akan memfokuskan pelaksanaan modul untuk memperkasakan pembangunan akademik dan sahsiah mahasiswa/siswi sebagai modal insan yang berdaya tahan dengan persaingan yang sangat sengit pada masa akan datang.



PECAHAN PENERIMA SULUNG 2.0 MENGIKUT FAKULTI



SUMBER/TAJAAN

BIL	BILANGAN PELAJAR	JUMLAH TAJAAN 1 TAHUN (2024)	SUMBER DANA/TAJAJAN	STATUS	SEMESTER BERMULA
1	38	RM 152,300.00	BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD	Sumbangan akan disalurkan selepas MOA ditandatangani pada 11 November 2024	Semester September Sesi 2023/2024
2	67	RM 202,620.00	MAYBANK ISLAMIC BERHAD	Penyaluran dilakukan pada 28 Disember 2023 Penyerahan kepada 67 penerima SULUNG pada 1 Julai 2024	Semester Februari Sesi 2023/2024
3	15	RM 43,900.00	MAJLIS UGAMA ISLAM SABAH (MUIS)	Sumbangan dijangka akan disalurkan pada bulan Disember 2024	Semester September Sesi 2024/2025
4	3	RM 10,000.00	PUSAT ISLAM (HONG LEONG BANK) *Dana Khas	Sumbangan dijangka akan disalurkan pada bulan Disember 2024	Semester September Sesi 2024/2025

JUMLAH DANA TAJAAN TERKUMPUL 2024 RM 408,820.00



KUNJUNGAN HORMAT BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

3 MAC 2024
UMK KAMPUS KOTA

Bank Islam Malaysia Berhad telah memberikan tajaan pendidikan sebanyak RM152,300.00 kepada 38 orang mahasiswa asnaf untuk Program Sulung 2.0 UMK. Tajaan ini disampaikan oleh YBhg. Dato' Mohd Muazzam bin Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Bank Islam Malaysia Berhad dan UMK diwakili oleh YBhg. Prof. Dato Naib Canselor.





MAJLIS PENYAMPAIAN SURAT TAWARAN PROGRAM PEMBANGUNAN SISWA SULUNG 2.0

1 JULAI 2024
UMK BACHOK

YBhg. Dato' Prof. Naib Canselor telah menyampaikan surat tawaran kepada pelajar yang terpilih untuk Program Pembangunan Siswa Sulung 2.0 di UMK Bachok. Seramai 67 orang pelajar layak dalam program ini.

Pelajar yang terpilih merupakan anak pertama dalam sesebuah keluarga yang sedang mengikuti pengajian sarjana muda di universiti. Pelajar ini juga adalah dari kategori B40 dan PNGK 3.0 ke atas. Pelajar ini tidak akan dikenakan yuran khusus secara percuma. Juga program kali ini telah menerima tajaan dari Maybank Bhd.



PROGRAM PEMBANGUNAN SISWA SULUNG 3.0


Program Pembangunan Siswa SULUNG ini merupakan salah satu (1) inisiatif KPT untuk meningkatkan mobiliti sosial serta taraf dan kualiti hidup pelajar (generasi/individu pertama dalam keluarga yang berjaya melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi) dalam kategori Asnaf/B40 ketahap yang lebih baik melalui pembiayaan yuran pengajian (kecuali yuran penginapan).

Inisiatif ini juga akan memfokuskan pelaksanaan modul untuk memperkasakan pembangunan akademik dan sahsiah mahasiswa/siswi sebagai modal insan yang berdaya tahan dengan persaingan yang sangat sengit pada masa akan datang.

Program SULUNG 3.0 diberikan kepada 10 orang pelajar UMK Cakna dengan kaedah membantu mendaftarkan mereka dengan sistem e-Kasih. Mereka juga dicadangkan untuk menerima manfaat bermula semester Februari 2024/2025 kerana mereka telah menerima bantuan awal pengajian.




PECAHAN PENERIMA SULUNG 3.0 MENGIKUT FAKULTI



SUMBER/TAJAAN

BILANGAN PELAJAR	JUMLAH YURAN TAHUN SATU (RM)	JUMLAH YURAN TAHUN DUA (RM)	JUMLAH YURAN TAHUN KETIGA (RM)	JUMLAH YURAN TAHUN KEEMPAT (RM)	JUMLAH (RM)
35 (Pelajar Islam)	162,511	128,786	128,786	128,786	548,869
4 (Pelajar bukan Islam)	18,822	15,022	15,022	15,022	63,888
JUMLAH (RM)	181,333	143,808	143,808	143,808	612,757



SUMBER TAJAAN **RM162,535.00**



Maybank Islamic Berhad telah bersetuju untuk membiayai SULUNG 3.0 seramai 35 pelajar dengan peruntukan sebanyak RM 162,535 bagi satu (1) tahun



CAKNA UMK ZIARAH BAKAL PELAJAR ASNAF UMK

22 & 26 SEPTEMBER 2024
PASIR MAS

Sempena kemasukan pelajar baharu UMK sesi 2024/2025 Seksyen Tatatertib dan Kebajikan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah menziarahi pelajar kategori asnaf UMK di Pasir Mas Kelantan. Semasa lawatan tersebut, Bakul Makanan Asas, sumbangan wang tunai untuk pembayaran yuran dan laptop telah diserahkan kepada Siti Aina Amni yang bakal mendaftar di Fakulti Sains Bumi, Kampus Jeli dan Noor Haiderlina bakal pelajar Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, UMK Bachok, Kelantan dan sumbangan ini telah disampaikan oleh Naib Canselor UMK, YBhg. Dato' Prof. Dr. Razli Che Razak.

UMK Cakna HEPA UMK merupakan program berterusan pihak HEPA UMK dalam menjejak para pelajar daripada keluarga B40/asnaf yang memerlukan bantuan kewangan dan barangan makanan asas. Ini juga adalah salah satu inisiatif Bahagian Hal Ehwal Pelajar dalam menjaga kebajikan pelajar yang memerlukan.



Saudari Siti Aina merupakan anak yatim piatu yang tinggal bersama kakak beliaiu



Menyantuni Saudari Noor Haiderlina yang merupakan pelajar baharu di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan di Bechah Landak

“ Saudari Noor Aina dan Noor Haidarlana juga merupakan anak pertama yang menyambung pengajian dalam keluarganya di peringkat Ijazah Sarjana Muda maka InshaAllah kami akan masukkan beliau dalam program SULUNG 3.0.”


-Prof. Dr. Mohammad



Menziarahi saudari Noor Aina yang merupakan pelajar baharu di Tok Uban, Pasir Mas

KEBAJIKAN DAN PEMERKASAAN PELAJAR OKU

PERINCIAN MAKLUMAT PELAJAR OKU MENGIKUT
KAMPUS (SEHINGGA SEPTEMBER 2024)



KAMPUS	TAHUN	BILANGAN PELAJAR	JUMLAH
KAMPUUS KOTA	1	0	8
	2	2	
	3	4	
	4	2	
UMK BACHOK	1	1	9
	2	4	
	3	2	
	4	2	
KAMPUS JELI	1	1	3
	2	1	
	3	1	
	4	0	

KEMUDAHAN PELAJAR OKU



Bangunan FTKW



Bangunan FBI



Dewan Tuanku Canselor



Kelas & Makmal Kampus Kota



Bangunan Perpustakaan,
Kampus Jeli



IBS, UMK Bachok



Fakulti Industri Asas Tani,
Kampus Jeli



Sumbangan Tricycle

25 DISEMBER 2024

BENGKEL PEMANTAPAN PENGGUNAAN APLIKASI AI



AKTIVITI & PROGRAM

DAPUR PELAJAR, UMK KAMPUS JELI

26 JANUARI 2024
KAMPUS JELI

Pihak Kebajikan HEPA UMK dengan kerjasama Pusat Pentadbiran Kampus Jeli dan Pusat Islam telah mengadakan Dapur Pelajar kali pertama di Kafe lama UMK Kampus Jeli dengan sasaran penerima bantuan seramai 70 orang pelajar. Dapur Pelajar ini merupakan inisiatif bagi membantu pelajar UMK yang memerlukan terutamanya dalam kalangan Asnaf, Fakir dan B40.



PROGRAM MENYANTUNI PELAJAR YANG MENDUDUKI PENTAKSIRAN AKHIR BAGI SEMESTER SEPTEMBER SESI 2023/2024

29 JANUARI 2024
DEWAN TUANKU CANSELOR, UMK BACHOK

BKTP telah menyantuni para pelajar sebelum menduduki pentaksiran akhir bagi semester September sesi 2023/2024 pada sesi pagi dan sesi petang.

Program ini merupakan salah satu(1) elemen untuk menyuntik semangat dan mewujudkan nilai kebersamaan keluarga HEPA bersama para pelajar yang menduduki pentaksiran akhir.

Sebanyak 300 bungkus sarapan pagi dan minum petang telah diagihkan kepada para pelajar yang menduduki pentaksiran akhir pada hari ini.



PROGRAM MENYANTUNI PELAJAR YANG MENDUDUKI PENTAKSIRAN AKHIR BAGI SEMESTER SEPTEMBER SESI 2023/2024

1 FEBRUARI 2024
UMK KAMPUS KOTA

BKTP bersama MPP telah menyantuni para pelajar sebelum menduduki pentaksiran akhir bagi semester September sesi 2023/2024 pada sesi pagi.

Program ini merupakan salah satu(1) elemen untuk menyuntik semangat dan mewujudkan nilai kebersamaan keluarga HEPA, MPP bersama para pelajar yang menduduki pentaksiran akhir di UMK Kampus Kota.

Sebanyak 250 bungkus sarapan pagi telah diagihkan kepada para pelajar yang menduduki pentaksiran akhir pada pagi ini.



MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN OLEH YAYASAN PELAJARAN MARA

6 FEBRUARI 2024
UMK BACHOK

BKTP telah mengadakan majlis penyampaian sumbangan kepada para pelajar kurang berkemampuan/kurang bernasib baik melibatkan agensi Yayasan Pelajaran MARA selepas sesi di sebelah pagi bersama agensi Yayasan Bank Rakyat.

Yayasan Pelajaran Mara melalui EKUINAS dan Maybank Islamic Berhad telah menyumbangkan sebanyak RM73,000.00 kepada 18 orang pelajar yang kurang berkemampuan/kurang bernasib baik.



MAJLIS SUMBANGAN BANTUAN AWAL PENGAJIAN YAYASAN BANK RAKYAT

6 FEBRUARI 2024
UMK BACHOK

BKTP telah mengadakan majlis penyampaian sumbangan kepada para pelajar kurang berkemampuan/kurang bernasib baik melibatkan agensi Yayasan Bank Rakyat.

Yayasan Bank Rakyat telah menyumbangkan sebanyak RM100,000.00 kepada 100 orang pelajar yang kurang berkemampuan/kurang bernasib baik. Selain dari penyampaian sumbangan ini, Yayasan Bank Rakyat juga telah bersetuju untuk meneroka potensi kerjasama dalam aspek akademik, keusahawanan dan kebajikan pelajar UMK.



PROGRAM MENYANTUNI PELAJAR YANG MENDUDUKI PENTAKSIRAN AKHIR BAGI SEMESTER SEPTEMBER SESI 2023/2024

7 FEBRUARI 2024
KAMPUS JELI

BKTP bersama MPP telah menyantuni para pelajar sebelum menduduki pentaksiran akhir bagi semester September sesi 2023/2024 pada sesi petang sebentar tadi.

Program ini merupakan salah satu(1) elemen untuk menyuntik semangat dan mewujudkan nilai kebersamaan keluarga HEPA, MPP bersama para pelajar yang menduduki pentaksiran akhir di UMK Kampus Kota.

Sebanyak 100 bungkus makan tengah hari telah diagihkan kepada para pelajar yang menduduki pentaksiran akhir pada petang ini.



PROGRAM SEIKHLAS RAMADAN BERSAMA PELAJAR LUAR KAMPUS

21 MAC 2024
BACHOK

Bersempena dengan bulan Ramadan yang penuh kemuliaan dan keberkatan ini, BKTP telah menyantuni para pelajar yang tinggal di luar Kampus sekitar Bachok melalui program Seikhlas Ramadan Bersama Pelajar Luar Kampus.

YBhg. Prof. TNC (HEPA) telah meluangkan masa dengan beramah mesra dan berinteraksi bersama para pelajar melalui program ini. Beliau juga turut menyampaikan sumbangan Rahmah mengandungi keperluan asas kepada para pelajar terlibat.



PENYAMPAIAN BAKUL RAYA SEMPENA SAMBUTAN MAJLIS HARI RAYA AIDILFITRI UMK

21 & 26 APRIL 2024
UMK BACHOK & KAMPUS JELI

Bahagian Kebajikan dan Tatatertib Pelajar telah menyampaikan 10 sumbangan Bakul Raya kepada pelajar B40 sewaktu sambutan ini diadakan di UMK Kampus Jeli dan UMK Bachok. Sumbangan di sampaikan oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Razli bin Che Razak, Naib Canselor di UMK Kampus Jeli dan YBhg. Prof. Mohammad bin Ismail, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni di UMK Bachok.



MAJLIS TAUTAN KASIH HEPA BERSAMA PELAJAR UMK SERTA SUMBANGAN BANTUAN KEPADA PELAJAR ASNAF/B40 OLEH SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD

6 MEI 2024
BACHOK

Telah diadakan Majlis Tautan Kasih HEPA bersama pelajar Asnaf/B40 dan Majlis Sumbangan oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad sebanyak RM 35,000.00 kepada pelajar Asnaf/B40. Pihak UMK diwakili oleh YBhg. Prof. Dr. Mohammad bin Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) telah menerima mock cheque sumbangan tersebut.



ZIARAH PRIHATIN KELUARGA ALLAHYARHAM MOHAMAD ANIQ ARSHAD BIN AZMI

6 MEI 2024
BACHOK

Bahagian Kebajikan bersama YBhg. Prof. TNC HEPA beserta Prof. Madya Dr. Raja Iskandar bin Raja Halid, Dekan FTKW serta Keluarga HEPA telah menziarahi keluarga Allahyarham Aniq di kediamannya. Sedikit sumbangan telah diberikan kepada keluarga Allahyarham.



ZIARAH PRIHATIN DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA PELAJAR DITIMPA MUSIBAH

16 MEI 2024
BACHOK

BKTP telah mengadakan program ziarah prihatin dan penyampaian sumbangan kepada Saudara Andi Muhd Thaqif Akmal Bin Suradi, pelajar tahun dua (2), FTKW di kediaman rumah sewa pelajar di Taman Pinggiran Utama. Beliau telah terlibat dalam satu (1) kemalangan jalan raya di Bachok.

Saudara Andi telah mengalami kecederaan di bahagian kaki dan tangan serta mengalami keretakan di bahu dan dalam proses untuk kembali pulih setelah mendapatkan rawatan di Hospital Raja Perempuan Zainab 2 (HRPZ 2).



PROGRAM ZIARAH PRIHATIN DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN KHAS PELAJAR DITIMPA MUSIBAH

26 MEI 2024
PUNCAK ALAM

Satu (1) program ziarah prihatin pelajar Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) iaitu Saudari Iffah Ikliil Maisarah Binti Mohamed Rasul yang ditimpa kemalangan pada 6 Mac 2023 telah diadakan sebentar tadi di Hospital Al-Sultan Abdullah, Puncak Alam. Program ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan perkembangan terkini keadaan Saudari Iffah yang lumpuh dan sedang mendapatkan rawatan rehabilitasi berkala.

Bersempena dengan ziarah prihatin ini, YBhg. TNC HEPA mengambil kesempatan menyampaikan sumbangan perlindungan insurans sebanyak RM20,450 dari Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) bagi meringankan beban Saudari Iffah yang sedang menjalani rawatan rehabilitasi. Bahagian Kebajikan juga mengambil kesempatan mendapatkan maklumat mengenai bantuan dan keperluan khusus Saudari Iffah untuk memastikan proses pembelajaran beliau sepanjang proses rehabilitasi ini tidak terjejas.



PROGRAM UMK CARE

8 OKTOBER 2024
BV COFEE

Pengisian program adalah penyampaian sumbangan khas dalam bentuk makanan retort dan komputer riba kepada mahasiswa/ siswi dalam kategori Asnaf/B40.



Program ini disempurnakan oleh Pengerusi LPU, YBhg. Dato' Dr. Hassan Basri bin Awang Mat Dahan.



SESI ZIARAH PRHATIN PELAJAR MENINGGAL

15 NOVEMBER 2024
BACHOK

Wakil Bahagian Kebajikan dan Tatatertib Pelajar (BKTP), En. Mohd Saifullah bin Nawi turut mengiringi YBhg. Prof. Dr. Mohammad bin Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan Dekan FHPK, Prof. Madya Dr. Mohd Fadil sempat menziarahi keluarga arwah dan menyampaikan sumbangan khas bagi meringankan beban keluarga arwah.



MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN SISWA SULUNG

22 NOVEMBER 2024
SABAH

Majlis Penyerahan Sumbangan Program Pembangunan Siswa SULUNG yang disempurnakan oleh Encik Ramlan bin Awang Ali, Setiausaha / Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Ugama Islam Sabah kepada YM Raja Azlan bin Raja Ismail, Ketua Pentadbir / Timbalan Pendaftar Kanan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaysia Kelantan dengan pembiayaan berjumlah RM105,075.00.



PENYAMPAIAN SUMBANGAN KOMPUTER RIBA -YAYASAN TAQWA MAIWP

10 DISEMBER 2024
BACHOK

Yayasan Taqwa - MAIWP hari ini telah menyalurkan sumbangan 35 komputer riba bernilai RM118,125.00 kepada pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam kategori Asnaf/B40 melalui Program Siswa 2024.

Majlis penyerahan sumbangan itu telah disempurnakan oleh Ahli Lembaga Pengarah, Yayasan Taqwa Wilayah MAIWP, Tuan Hj. Suhaili bin Md. Yusoff, kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Mohammad Ismail, di Bilik Seminar 1, Pejabat Pendaftar, Bangunan Canselori, Bachok, Kelantan.

Inisiatif ini dapat membantu para mahasiswa/wi yang kurang berkemampuan mendapatkan kemudahan akses teknologi yang baik sepanjang pengajian.

M. PENGETUA



MAJLIS PENGETUA

- Seksyen Kefeloan

AKTIVITI/PROGRAM



KURSUS PEMERKASAAN JPKK 2023/2024

18-21 FEBRUARI 2024
DEWAN UMK KAMPUS JELI

Kursus Pemerksaan JPKK 2024 telah diadakan dengan kerjasama Majlis Pengetua dan barisan kefeloaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Kursus ini bertujuan untuk memperkukuhkan gerak kerja dan melahirkan mahasiswa/i yang proaktif, cekap, dan berdaya saing dalam kepimpinan.



OBJEKTIF

- Meningkatkan kecekapan dalam pengurusan aktiviti kolej.
- Memperkasa kemahiran kepimpinan dalam kalangan peserta.
- Memupuk semangat kesukarelawanan dan kerjasama.
- Memberikan platform untuk mahasiswa/i mengembangkan potensi diri mereka.



PENGISIAN PROGRAM :

- Pemantapan kertas kerja
- Latihan dalam kumpulan
- Simulasi bantuan kecemasan
- Pembentangan rangka program akan datang
- Aktiviti kesukarelawanan seperti membersihkan kawasan D'Lalang Resort, Lata Keding, surau, dan kawasan sekitar Taman Pinggiran





EKSPLORASI ILMIAH

8-10 MEI 2024
UPM, UKM & UIAM

Dengan kerjasama Majlis Pengetua dan Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman (JPKK), program berimpak tinggi Eksplorasi Ilmiah telah dianjurkan. Program ini berlangsung selama tiga hari dua malam dan melibatkan lawatan ke tiga universiti awam di Malaysia iaitu UPM, UKM, dan UIAM.



AKTIVITI PENGISIAN :

- Penerokaan amalan terbaik dalam pengurusan kolej kediaman di universiti yang dikunjungi.
- Sesi perkongsian ilmu dan pengalaman dengan warga universiti, termasuk kaedah mengendalikan parcel dan pengurusan asrama.
- Bengkel dan diskusi idea bagi meningkatkan inovasi dalam pembangunan aktiviti kolej kediaman di UMK.



SEMINAR PENGURUSAN ASRAMA PERINGKAT KEBANGSAAN (SPARK) 2024

20-22 MEI 2024
HOTEL H ELITE, KOTA BHARU

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah dipilih sebagai tuan rumah bagi Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) yang akan berlangsung dari 20 hingga 22 Mei 2024 bertempat di Hotel H-Elite, Kota Bharu. Seminar ini bertujuan memperkasa pengurusan asrama di institusi pengajian tinggi dan melibatkan pelbagai pihak dari seluruh negara.

Dalam usaha memastikan kejayaan seminar ini, Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman (JPKK) turut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Seminar. Tugas mereka termasuk membantu dalam perancangan, penyelarasan, dan pelaksanaan pelbagai aktiviti sepanjang seminar berlangsung



Penyertaan ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan dan keyakinan ahli JPKK tetapi juga memberi mereka peluang untuk membina rangkaian dengan peserta dari pelbagai institusi, seterusnya memperkukuhkan kedudukan UMK sebagai pusat kecemerlangan dalam pengurusan asrama.



SISWA RAMEN

29 DISEMBER 2024

Program Siswa Ramen adalah inisiatif kerjasama antara Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Bahagian Kebajikan dan Tatatertib UMK, serta Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman (JPKK). Program ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara pelajar dan pihak pengurusan kampus melalui pendekatan santai sambil menikmati hidangan ramen.

OBJEKTIF

- Memupuk semangat kebersamaan antara pelajar daripada pelbagai latar belakang.
- Memberikan pengalaman yang santai dan menyeronokkan kepada pelajar di penghujung tahun akademik.
- Meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti yang dianjurkan oleh kampus.



LOKASI :

KAMPUS KOTA

Gelanggang Futsal
Kolej Kediaman
Taman Bendahara

UMK BACHOK

Kafe

KAMPUS JELI

Bilik MPP



JAWATANKUASA PIMPINAN KOLEJ KEDIAMAN UMK BACHOK

LAWATAN DELEGASI MAHALLAH UIAM

22 FEBRUARI 2024
UMK BACHOK

Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman (JPKK) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menerima lawatan daripada delegasi Mahallah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Sebagai tuan rumah, JPKK Bachok turut membawa delegasi Mahallah UIAM melawat sekitar kampus UMK termasuk kemudahan kolej kediaman. Aktiviti ini memberikan gambaran jelas kepada delegasi tentang suasana dan pengurusan kolej di UMK serta memupuk semangat kerjasama dan hubungan baik antara kedua-dua institusi. Lawatan ini bukan sahaja meningkatkan hubungan antara institusi pengajian tinggi tetapi juga membuka ruang kepada potensi kolaborasi dalam pelaksanaan program pada masa hadapan.

OBJEKTIF LAWATAN

- Bertukar pendapat
- Berkongsi idea
- Mempelajari amalan terbaik dalam pengurusan kolej kediaman



PROGRAM GLOBAL STUDENT RESIDENTIAL COUNCIL SUMMIT (GRSC)

6-8 MAC 2024
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM), KEDAH

Wakil Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman (JPKK) dari ketiga-tiga kampus Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menyertai program Global Student Residential Council Summit (GRSC) yang berlangsung pada 6 hingga 8 Mac 2024 bertempat di Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah.

Penyertaan dalam program ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepimpinan di peringkat global, selain memberi peluang kepada peserta untuk bertukar pandangan dan pengalaman bersama wakil kolej kediaman dari universiti lain. Program ini juga membuka ruang untuk membina jaringan kerjasama yang lebih luas dalam kalangan mahasiswa universiti tempatan dan antarabangsa.

Delegasi JPKK UMK menunjukkan komitmen tinggi dalam usaha memperkasa peranan kolej kediaman sebagai platform pembangunan kepimpinan mahasiswa.



PROGRAM MAHASISWA RINDU RAMADHAN (MRR)

11 MAC - 9 APRIL 2024
UMK BACHOK

Program Mahasiswa Rindu Ramadhan dijalankan sempena bulan Ramadan, di mana program ini bertujuan mengimarahkan bulan suci tersebut dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi UMK Bachok.

OBJEKTIF

- Memupuk rasa cinta kepada bulan Ramadan.
- Menggalakkan pelajar melipatgandakan amalan kebaikan dan ibadah.
- Mengeratkan hubungan silaturahim antara pelajar melalui aktiviti bersama.



AKTIVITI UTAMA:

- Street Dakwah
- Tadarus Al-Quran Berkumpulan
- Majlis Berbuka Puasa
- Pembahagian Air Balang Percuma



TEMUDUGA JAWATANKUASA KOLEJ KEDIAMAN (JKK) UMK BACHOK SESI 23/24

6-8 MAC 2024
KOMPLEKS AKADEMIK, UMK BACHOK

Sesi temuduga Jawatankuasa Kolej Kediaman (JKK) telah diadakan sebagai langkah untuk memilih calon mahasiswa/i yang berkelayakan dan berpotensi untuk menjadi sebahagian daripada barisan kepimpinan kolej kediaman.

Sesi ini mendapat penyertaan yang baik, menunjukkan minat yang tinggi dalam kalangan pelajar untuk menyumbang kepada pembangunan komuniti kampus. Proses temuduga dilaksanakan dengan teliti bagi memastikan hanya calon yang benar-benar layak dilantik ke dalam JKK.



RIANG RIA SYAWAL

28 APRIL 2024
UMK BACHOK

Sambutan Syawal ini dianjurkan bagi meraikan kemenangan umat Islam selepas sebulan berpuasa. Pelajar-pelajar yang menyertai dikenakan yuran penyertaan sebanyak RM15 untuk menampung kos program.



SPREAD THE AWARENESS: SCAMMERS ARE EVERYWHERE

29 OKTOBER 2024
ATAS TALIAN

Program Spread the Awareness: Scammers are Everywhere dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan mahasiswa/i mengenai ancaman penipuan dalam talian yang semakin berleluasa. Program ini berjaya menarik minat ramai pelajar yang ingin meningkatkan kesedaran mereka mengenai keselamatan dalam talian. Kehadiran Dr. Muhammad Adnan Pitchan memberi nilai tambah kepada program ini melalui perkongsian ilmu dan pengalaman beliau dalam bidang keselamatan siber.

OBJEKTIF

- Memberi pendedahan tentang jenis-jenis penipuan dalam talian dan teknik yang digunakan oleh penipu.
- Membekalkan langkah-langkah pencegahan untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa.



AKTIVITI UTAMA:

Ceramah Kesedaran


Disampaikan oleh penceramah jemputan, Dr. Muhammad Adnan Pitchan, seorang pakar dalam keselamatan siber, yang berkongsi pengalaman dan memberikan panduan tentang cara menangani ancaman penipuan dalam talian.

Simulasi Situasi Penipuan

Pelajar diberi peluang untuk memahami senario penipuan melalui simulasi interaktif.

PODCAST BORAK HEPA : 30 MINIT BERSAMA KAUNSELOR

Program podcast Borak HEPA: 30 Minit Bersama Kaunselor diadakan sebagai inisiatif kolaborasi antara Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman (JPKK) dan Persatuan Rakan Siswa (PRS). Program ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu kehidupan pelajar dan menerapkan nilai-nilai positif dalam kalangan mahasiswa/i.



PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU BAGI SESI 24/25

1 OKTOBER 2024
KOLEJ KEDIAMAN UMK BACHOK

Pendaftaran Pelajar Baharu bagi Sesi Akademik 2024/2025 dianjurkan untuk memastikan proses kemasukan pelajar baharu berjalan lancar, teratur, dan efisien. Program ini menjadi platform penting untuk memperkenalkan pelajar baharu kepada persekitaran kampus, memberi pendedahan awal tentang kehidupan universiti, serta memastikan mereka dapat menyesuaikan diri dengan suasana baharu.

OBJEKTIF

- Memberi kemudahan kepada pelajar baharu dalam melengkapkan proses kemasukan.
- Membantu pelajar menyesuaikan diri dengan suasana baharu di universiti.
- Menyediakan platform untuk pelajar berkenalan dan berinteraksi dengan warga kampus.





Wisma Atira

Sesi Pendaftaran Pelajar Baharu di KK Wisma Atira

MALAM BERSAMA PENGETUA

Perjumpaan mahasiswa/i Kolej Kediaman IBS dan Kolej Kediaman Wisma Atira bersama pengetua, barisan felo, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman (JPKK). Program ini meneruskan usaha membina komunikasi dua hala yang baik antara pengurusan kolej dan pelajar. Aktiviti interaktif dijalankan untuk mendapatkan pandangan pelajar tentang perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan.



8 Oktober 2024 (KK IBS)



9 Oktober 2024 (KK Wisma Atira)

SIMULASI KEBAKARAN

17 OKTOBER 2024
BACHOK



Demonstrasi pemadaman api



Latihan evakuasi kecemasan



MAHASISWA SIHAT MINDA LIGAT

Program Mahasiswa Ligat Minda Sihat dianjurkan sebagai usaha bersama antara JPKK dan PRS bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kesejahteraan mental dan fizikal dalam kalangan mahasiswa/i.

OBJEKTIF

- Menggalakkan pelajar mengamalkan gaya hidup sihat melalui sukan dan aktiviti fizikal.
- Membimbing pelajar dalam pengurusan emosi dan tekanan secara berkesan.
- Meningkatkan kefahaman tentang kepentingan kesihatan mental untuk kejayaan akademik dan kehidupan.



Sesi Ceramah Motivasi: Disampaikan oleh 3 panelis iaitu Dr Azira Hanani binti Berahim@ Ab Rahman, Dr Mohamad Syahiedzat bin Mohd Nordin dan Dr Norazlinda binti Mohamed Rosdi.

TEMUDUGA JAWATANKUASA KOLEJ KEDIAMAN UMK BACHOK SESI 2024/2025

7 NOVEMBER 2024
KOMPLEKS AKADEMIK, UMK BACHOK

Sesi temuduga Jawatankuasa Kolej Kediaman (JKK) telah diadakan sebagai langkah untuk memilih calon mahasiswa/i yang berkelayakan dan berpotensi untuk menjadi sebahagian daripada barisan kepimpinan kolej kediaman.

Sesi ini mendapat penyertaan yang baik, menunjukkan minat yang tinggi dalam kalangan pelajar untuk menyumbang kepada pembangunan komuniti kampus. Proses temuduga dilaksanakan dengan teliti bagi memastikan hanya calon yang benar-benar layak dilantik ke dalam JKK.



SPOT CHECK @ KK IBS

31 DISEMBER 2024
KOLEJ KEDIAMAN IBS BACHOK

OBJEKTIF

- Memastikan persekitaran kolej kediaman berada dalam keadaan bersih, selamat, dan teratur.
- Meningkatkan kesedaran pelajar tentang pentingnya menjaga kebersihan dan mematuhi peraturan kolej.
- Memupuk sikap tanggungjawab dalam kalangan penghuni kolej kediaman.

AKTIVITI

- Pemeriksaan bilik dan kawasan kolej kediaman untuk memastikan pelajar mematuhi peraturan yang ditetapkan.
- Penerangan kepada pelajar berkenaan isu kebersihan dan keselamatan.
- Tindakan susulan terhadap bilik atau kawasan yang tidak mematuhi peraturan kolej.



Melibatkan Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman (JPKK), Seksyen Kefeloan dan Pihak keselamatan UMK

JAWATANKUASA PIMPINAN KOLEJ KEDIAMAN KAMPUS KOTA

MAJLIS APRESIASI JKK

15 JANUARI 2024
UMK KAMPUS KOTA

Demi menghargai segala jasa dan usaha Jawatankuasa Kolej Kediaman (JKK) sepanjang berkhidmat dalam menguruskan Kolej kediaman, Majlis Apresiasi telah dibuat bagi meraikan semua yang telah menjalankan tugas dengan sebaik mungkin sepanjang dilantik. Majlis ini telah disantuni oleh pengetua dan barisan kefeloaan yang turut serta dengan memberi sijil penghargaan dan anugerah khas. Jamuan makan telah dibuat pada penghujung majlis dan sesi bergambar merupakan penutup untuk majlis tersebut.



MAHASISWA RINDU RAMADAN (MRR)

Inisiatif dalam meraikan bulan yang mulia bulan Ramadan telah membawa kepada 1 program khas iaitu Mahasiswa Rindu Ramadan (MRR) yang dijalankan sepanjang puasa. Program ini mengetengahkan beberapa aktiviti menarik seperti tadarus Al-Quran, dakwah street, pemberian air balang percuma dan juga iftar perdana. Ini untuk memastikan suasana bulan puasa di kolej kediaman meriah dan mendapat sambutan yang baik daripada penghuni kolej kediaman. Melalui program ini, pelajar dapat mengeratkan silaturahim dan mempelajari ilmu baru serta meningkatkan ibadah dibulan yang mulia.



PROGRAM BUBUR LAMBUK

24 MAC 2024
KOLEJ KEDIAMAN KAMPUS KOTA

Program ini telah dijayakan oleh semua warga Kolej Kediaman yang telah dijalankan pada 24 Mac 2024 ketika bulan Ramadan. Inisiatif ini dibuat bagi mewujudkan suasana gotong royong membuat bubur lambuk dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Aktiviti gotong royong telah bermula seawal 8 pagi dibantu oleh pihak pengurusan asrama, staf dan pelajar kolej kediaman yang turut menyediakan bahan-bahan dan memasak bubur. Agihan bubur lambuk bermula tengahari dan petang seusai bubur siap dimasak dan dibungkus dalam bekas yang disediakan. Pada hari tersebut juga agihan air balang dan kuih percuma diberikan kepada pelajar dan penduduk sekitar kolej kediaman.



MAJLIS PENUTUP MAHASISWA RINDU RAMADAN (MRR) DAN SAMBUTAN HARI RAYA

21 APRIL 2024
KOLEJ KEDIAMAN KAMPUS KOTA

Satu majlis penutup bagi program Mahasiswa Rindu Ramadan dan sambutan hari raya telah dibuat bagi meraikan bulan Istimewa iaitu syawal. Di samping itu, majlis penutup MRR itu juga telah disempurnakan dengan penyampaian cenderamata kepada pelajar yang menyertai aktiviti tadarus Al – Quran serta hadiah kepada pemenang untuk video kreatif sempena bulan Ramadan. Majlis tersebut meriah dengan kehadiran staf pengurusan kolej kediaman, pengetua, barisan kefeloaan, Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman (JPKK) dan beberapa orang pelajar.



PROGRAM WE LEAD TO FUTURE WITH YAATIM

4 MEI 2024
KOTA BHARU

Exco Akademik dan Perhubungan Luar Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman (JPKK) dalam satu usaha menjalankan satu program sukarelawan yang meraikan anak-anak yatim di sekitar Kota Bharu Kelantan. Yayasan Kebajikan Anak-Anak Yatim Kelantan (YAATIM) telah dipilih untuk dikunjungi dan melaksanakan program pembangunan sahsiah dan motivasi dalam kalangan pelajar. Seramai anggaran 100 orang pelajar telah menyertai program tersebut dimana JPKK menjadi fasilitator kepada anak-anak yatim tersebut dalam melakukan beberapa aktiviti menarik diluar dan dalam bilik darjah.





FESTIVAL SENI BUDAYA (FESYA)

1 JUN 2024
DEWAN KEUSAHAWANAN, KAMPUS KOTA

Program kebudayaan iaitu Festival Seni Budaya ini telah berlangsung pada 1 Jun 2024 yang melibatkan semua pelajar Universiti Malaysia Kelantan dilaksanakan bagi menentengahkan seni budaya masyarakat Malaysia dalam bidang tarian. Terdapat sebanyak 6 kumpulan telah menyertai dengan membawa identiti dan tarian yang berbeza. Pelajar juga turut datang memeriahkan suasana dengan memberi sokongan kepada rakan-rakan yang terlibat. Pemenang bagi festival ini telah menerima hadiah yang lumayan berbentuk wang, sijil serta trofi.

TAKLIMAT KESELAMATAN DAN BANJIR KOLEJ KEDIAMAN

23-24 OKTOBER 2024
DEWAN KKEUSAHAWANAN, KAMPUS KOTA

Aktiviti ini dilaksanakan untuk memberi kesedaran dan pendedahan kepada semua pelajar khususnya penghuni kolej kediaman tentang keselamatan diri dan kaedah bagaimana untuk bertahan ketika dalam situasi yang tidak selamat. Banjir yang sering kali berlaku di kawasan Pantai timur ini menyebabkan semua pihak harus sentiasa bersedia dengan sebarang keadaan agar semua selamat. Taklimat keselamatan yang diberikan oleh pihak keselamatan serta Dr. Saufi yang bertempat di Dewan Keusahawanan serta Kolej kediaman Sri Kemumin telah membuka peluang untuk pelajar mengetahui ilmu yang sebetulnya dalam menyelamatkan diri ketika dalam bahaya. Taklimat ini berjaya mengumpulkan semua penghuni kolej kediaman Kampus Kota dengan melibatkan beberapa pihak lain termasuk barisan kefeloaan, Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman dan pelajar luar kampus.



JAWATANKUASA PIMPINAN KOLEJ KEDIAMAN KAMPUS JELI

MAJLIS BACAAN YASSIN DI KOLEJ KEDIAMAN KAMPUS JELI

11 JANUARI 2024
KK BLOK, IBS DAN PINGGIRAN

Majlis Bacaan Yassin diadakan setiap minggu di semua Kolej Kediaman di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Jeli. Bacaan Yassin ini dijalankan secara serentak di Blok A dan B (di setiap koridor aras), IBS (di hadapan rumah masing-masing), serta Taman Pinggiran (di dalam rumah masing-masing). Majlis ini bertujuan untuk membantu pelajar mengurangkan tekanan dan kegelisahan dengan mendekati diri kepada amalan agama, menanamkan nilai-nilai murni dan keagamaan dalam kalangan pelajar untuk membina sahsiah yang lebih baik, serta memohon keberkatan dan perlindungan daripada Allah S.W.T. bagi kesejahteraan pelajar dan persekitaran kolej kediaman.



JPKK ANNUAL DINNER

3 FEBRUARI 2024
BILIK BANQUET (FIAT)

Majlis makan malam Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman (JPKK) yang bertemakan piyama ini merupakan acara perpisahan bagi Mantan JPKK sesi 2022/2023. Majlis ini turut dihadiri oleh pengetua kolej, felo-felo, ahli-ahli JPKK terkini, serta alumni JPKK. Majlis ini dianjurkan untuk memberikan penghargaan kepada mantan-mantan JPKK yang telah memberikan sumbangan besar sepanjang tempoh perkhidmatan mereka bersama JPKK.



MAHASISWA RINDU RAMADHAN (MRR)

17 MAC - 6APRIL 2024
SEKITAR UMK KAMPUS JELI

Dalam usaha meraikan bulan Ramadan yang penuh keberkatan, sebuah program khas yang dinamakan Mahasiswa Rindu Ramadan (MRR) telah dianjurkan sepanjang bulan puasa. Program ini merangkumi pelbagai aktiviti menarik seperti tadarus Al-Quran secara berkumpulan, street dakwah, pemberian air balang percuma, dan iftar bersama-sama. Matlamat program ini adalah untuk menciptakan suasana Ramadan yang meriah di kolej kediaman dan mendapatkan sambutan baik daripada penghuni kolej. Melalui program ini, pelajar dapat meningkatkan silaturahim, menimba ilmu baru, dan melipatgandakan amalan kebaikan dan ibadah.



AKTIVITI KEUSAHAWANAN JAWATANKUASA PIMPINAN KOLEJ KEDIAMAN (JPKK) SEMASA AGRICULTURE EXPO 2024 (AGX'24)

30 MEI-1 JUN 2024
UMK KAMPUS JELI

Sempena Agriculture Expo 2024 atau Karnival Industri Asas Tani yang berlangsung dari 30 Mei hingga 1 Jun di Kampus UMK Jeli, Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman telah membuka kiosk untuk menjual air balang buah-buahan, rojak buah, dan coklat buah. Jualan ini mendapat sambutan yang meriah daripada pengunjung luar dan juga pelajar UMK Jeli. Inisiatif ini diambil oleh Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman sebagai usaha untuk menjana pendapatan serta menyemarakkan semangat keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaysia Kelantan



PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU ASASI SESI 24/25

22 JULAI 2024
DEWAN UTAMA, UMK KAMPUS JELI

Kami dengan sukacitanya mengalu-alukan pelajar baharu Asasi untuk menyertai Sesi Akademik 2024/2025. Pendaftaran ini adalah langkah pertama bagi memastikan segala urusan kemasukan berjalan dengan lancar, di samping memberi peluang kepada pelajar baharu untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran kampus dan bertemu rakan-rakan baharu.



TAKLIMAT KOLEJ KEDIAMAN KEPADA PELAJAR BAHARU ASASI SESI 24/25 BERSAMA PENGETUA, FELO, MPP DAN JPKK

22 JULAI 2024
DEWAN UTAMA, KAMPUS JELI

Perjumpaan mahasiswa/i Kolej Kediaman IBS dan Kolej Kediaman Blok A bersama pengetua, barisan felo, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman (JPKK).

OBJEKTIF

- Memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai garis panduan dan peraturan kolej kediaman bagi memastikan pematuhan serta kesejahteraan bersama.
- Mengenal pasti cabaran dan keperluan pelajar berkaitan kehidupan di kolej kediaman serta mencari penyelesaian yang sesuai.
- Mewujudkan platform komunikasi dua hala bagi membolehkan pelajar menyuarakan pendapat serta cadangan untuk menambah baik kemudahan dan suasana kolej kediaman.



PROGRAM MENGACAU BUBUR ASYURA PERINGKAT UMK

25 JULAI 2024
MASJID UMK KAMPUS JELI

Program Mengacau Bubur Asyura merupakan tradisi tahunan yang dianjurkan bagi mengukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan warga kampus. Program ini dianjurkan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Bahagian Kebajikan dan Tatatertib UMK, serta Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman (JPKK). Aktiviti ini bukan sahaja meraikan warisan budaya dan nilai kebersamaan, tetapi juga memberi peluang kepada pelajar dan pihak pengurusan kampus untuk berinteraksi dalam suasana penuh kemesraan.



OBJEKTIF

- Memupuk semangat perpaduan dan kerjasama dalam kalangan pelajar serta warga kampus melalui aktiviti gotong-royong.
- Menghargai warisan tradisi dan budaya dengan memperkenalkan serta menghayati proses penyediaan bubur Asyura.
- Mengeratkan hubungan antara pelajar dan pihak pengurusan universiti dalam suasana santai dan harmoni.



PROGRAM MINGGU KESEDARAN ISU SOSIAL DAN KESELAMATAN BERSAMA PELAJAR ASASI PERINGKAT UMK

3 OGOS 2024
DEWAN UTAMA, KAMPUS JELI

Program Minggu Kesedaran Isu Sosial dan Keselamatan merupakan satu inisiatif khas bagi memperkasa pelajar dengan pengetahuan serta kesedaran mengenai isu-isu sosial semasa dan kepentingan keselamatan dalam kehidupan harian. Dianjurkan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Bahagian Kebajikan dan Tatatertib UMK, serta Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman (JPKK), program ini bertujuan membentuk generasi mahasiswa yang lebih cakna, bertanggungjawab, dan proaktif dalam menjaga kesejahteraan diri serta masyarakat.



OBJEKTIF

- Meningkatkan kesedaran pelajar terhadap cabaran dan isu sosial semasa, serta kepentingan keselamatan dalam kehidupan kampus dan masyarakat.
- Memupuk rasa tanggungjawab dan solidariti dalam kalangan pelajar bagi mewujudkan persekitaran kampus yang lebih selamat, harmoni, dan inklusif.
- Menggalakkan keterlibatan aktif pelajar dalam sesi perkongsian, perbincangan, dan aktiviti interaktif untuk memperluaskan perspektif serta memperkasakan tindakan positif



PROGRAM GOTONG ROYONG MENEGEMAS PEJABAT KOLEJ KEDIAMAN BAGI BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT UMK

19 OGOS 2024
PEJABAT KOLEJ KEDIAMAN, KAMPUS JELI

Program Gotong-Royong Memperindah Pejabat Kolej Kediaman merupakan inisiatif bersempena Bulan Kemerdekaan yang bertujuan untuk menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan warga kampus melalui aktiviti pembersihan dan keceriaan pejabat kolej kediaman. Program ini dianjurkan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Bahagian Kebajikan dan Tatatertib UMK, serta Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman (JPKK) sebagai usaha memupuk nilai kebersamaan, tanggungjawab, dan keprihatinan terhadap persekitaran kampus.



PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU BAGI SESI 2024/2025

1 OKTOBER 2024
DEWAN UTAMA, UMK KAMPUS JELI

Pendaftaran pelajar baharu bagi Sesi Akademik 2024/2025 akan diadakan bagi memastikan proses kemasukan berjalan dengan lancar dan teratur. Program ini bertujuan untuk memudahkan urusan pendaftaran serta memberi ruang kepada pelajar baharu untuk menyesuaikan diri dengan suasana kampus.



TAKLIMAT KOLEJ KEDIAMAN KEPADA PELAJAR BAHARU SESI 24/25 BERSAMA PENGETUA, FELO, MPP DAN JPKK

7 OKTOBER 2024
DEWAN UTAMA KAMPUS JELI



Perjumpaan mahasiswa/i Kolej Kediaman IBS dan Kolej Kediaman Blok B bersama pengetua, barisan felo, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman (JPKK)

TAKLIMAT KOLEJ KEDIAMAN KEPADA PELAJAR BAHARU INTAKE 2 BAGI SESI 24/25 BERSAMA PENGETUA, FELO, MPP DAN JPKK

15 OKTOBER 2024
STUDIO KBUDAYAAN, UTAMA KAMPUS JELI



Perjumpaan mahasiswa/i Kolej Kediaman IBS dan Kolej Kediaman Blok B bersama pengetua, barisan felo, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman (JPKK)

PENDAFTARAN BARANGAN ELETRIK BAGI SESI 24/25

21 OKTOBER 2024
KK IBS, UMK KAMPUS JELI

Bagi memastikan keselamatan dan pematuhan terhadap peraturan kolej kediaman, semua pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) diwajibkan untuk mendaftarkan barangan elektrik yang dibawa ke kolej kediaman. Pendaftaran ini bertujuan untuk mengawal penggunaan peralatan elektrik bagi mengelakkan risiko litar pintas serta memastikan persekitaran kolej yang selamat dan kondusif.

OBJEKTIF

- Memastikan pematuhan terhadap peraturan kolej kediaman berkaitan penggunaan peralatan elektrik bagi menjamin keselamatan pelajar.
- Meningkatkan kesedaran pelajar mengenai penggunaan elektrik yang selamat dan bertanggungjawab di dalam kolej kediaman.
- Mengelakkan risiko bahaya seperti litar pintas dan kebakaran yang berpunca daripada penggunaan peralatan elektrik yang tidak dibenarkan atau rosak.



TERIMA KASIH

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Ketua Pentadbir HEPA, Pengarah dan Ketua Bahagian, Semua staf Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), dan semua pihak yang membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini.

ONCE HEPA, ALWAYS HEPA